

Bas Singgah-singgah tidak
libat perbelanjaan kerajaan
negeri



SMART A+

SPM ENGLISH PAPER 1119 PAPER 1

RUMUS ‘PSTK 1621’
PANDUAN MENULIS
RUMUSAN



MUKA 15




Edisi 30 | 28 Disember 2020 - 3 Januari 2021 | 13 Jamadilawal 1442H - 19 Jamadilawal 1442H | PP 19464/D4/2019/ (035072) | Sejak 1982 | www.melakahariini.my | [Melakahariini](#) | [f](#) [@](#) [t](#) **NASKHAH PERCUMA**

USAH BERDEBAT

USAHA kerajaan mendapatkan vaksin COVID-19 mencapai kemuncaknya apabila Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini menawarkan diri untuk menjadi individu pertama menerima suntikan vaksin itu. Pakar virologi selama lebih 30 tahun, Prof Dr Sazaly Abu Bakar pula menasihatkan rakyat segera menghentikan perdebatan yang tidak berfakta secara ilmiah mengenai tahap keselamatan dan keberkesanan vaksin berkenaan.

● Lihat berita penuh pada muka 2 dan 3



Taman
Interaktif
Dinosaurus
terbesar
Asia
Tenggara



MUKA 3

MU kekal
70 peratus
emain

MUKA 22

‘Glamping’
di Melaka

MUKA 7

ANGKA TERKINI COVID-19
Dikemaskini setakat 25 Disember 2020, 12 pm

PULIH : 1,441

KES BAHARU : 1,247


KES KEMATIAN : 3

KES KESELURUHAN : 101,565

Foto MR. Azli

Vaksin COVID-19

Jangan 'emosi', patuhi SOP



ORANG ramai seharusnya meletakkan keyakinan yang tinggi terhadap keputusan pihak berkuasa terutamanya Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah berpuluhan-puluhan tahun meluluskan penggunaan vaksin lain di negara ini.

Orang ramai LEGA

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Pengumuman dibuat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai rakyat negara ini bakal memperoleh bekalan vaksin COVID-19 bermula Februari tahun hadapan bukan sahaja melegakan rakyat malah memberi reaksi positif daripada segenap lapisan masyarakat.

Bagaimanapun, perkara itu masih menjadi tanda tanya dalam kalangan rakyat sama ada ia halal dan boleh diguna pakai oleh umat Islam di negara ini berikutan wujud persoalan mengenai kandungan dalam vaksin berkenaan.



"Dengan mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 itu, ianya langkah terbaik, kerana kerajaan prihatin untuk membantu rakyat Malaysia".

- RATHA Raju

Namun demikian, Muhyiddin pada perutusan khas video mengenai perkembangan terkini mengenai pemberian vaksin pada Selasa menawarkan diri sebagai individu pertama yang akan menerima suntikan vaksin itu bagi meyakinkan rakyat vaksin itu selamat dan berkesan.

Tinjauan Melaka Hari Ini (MHI) mendapati, rata-ratanya masyarakat teruja untuk menerima suntikan berkenaan dan menyerahkan kepada kerajaan bagi memastikan vaksin itu terjamin selamat serta halal kepada umat Islam.

Bagi Carolin Liza Cross, 39 berkata rakyat perlu percaya dengan apa jua keputusan diambil bagi memastikan rakyat meneruskan kelangsungan hidup dalam keadaan sihat.

"Sekurang-kurangnya kita ada ubat untuk rawat penyakit dan apabila kerajaan uar-uarkan akan memberikan suntikan itu kepada rakyat membuatkan kami semua lebih yakin untuk ke mana-mana."

"Saya sebagai rakyat juga berbangga kerajaan sanggup mendapatkan vaksin kerana ia adalah langkah yang baik untuk kesihatan semua rakyat."

"Saya sendiri sebagai rakyat amat bersetuju dengan penggunaan vaksin kerana apa yang penting sekarang ini adalah keselamatan komuniti kita daripada ancaman pandemik itu".

- FARAHIDA Othman

Rizanizam Abdul Hamid

AYER KEROH - Rakyat dinasihatkan menghentikan perdebatan 'emosi' mengenai tahap keselamatan dan keberkesanan vaksin COVID-19 yang giat diusahakan kerajaan, sebaliknya terus membangunkan gaya hidup dalam suasana norma baru kini.

Pakar virologi Prof Dr Sazaly Abu Bakar berkata, orang ramai seharusnya meletakkan keyakinan yang tinggi terhadap keputusan pihak berkuasa terutamanya Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah berpuluhan-puluhan tahun meluluskan penggunaan vaksin lain di negara ini.

Tegasnya, perdebatan dalam kalangan masyarakat tanpa disertakan fakta ilmiah dan beremosi tidak membantu kerajaan sebaliknya dihantui membuka ruang kepada kumpulan anti vaksin untuk terus menyebarkan maklumat tidak tepat.

"Saya lihat di media sosial ramai yang risau kerana mereka tidak faham konsep vaksin yang sedang hangat diperkatakan ketika ini. Sebenarnya, vaksin COVID-19 ini menggunakan tiga platform berbeza iaitu yang pertama adalah teknologi vaksin terkini dikenali mRNA.

"Ramai orang beranggapan vaksin berasal dari Barat ini yang tidak pernah digunakan sebelumnya baharu dicipta sehingga timbul kebimbangan sedangkan ia sebenarnya telah dibangunkan sejak lebih 10 tahun lalu," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini di sini baru-baru ini.

Tambahnya, amalan ke-



DR Sazaly

rajaan Malaysia tidak seperti di Amerika Syarikat yang membolehkan mereka menggunakan EUA (memberi kebenaran penggunaan kecemasan) sesuatu vaksin.

Berbeza dengan Malaysia, Dr Sazaly yang berpengalaman lebih 30 tahun dalam bidang virologi berkata, belum terdapat cara kerajaan menggunakan vaksin secara kecemasan atau EUA.

"Maksudnya, setiap vaksin yang masuk Malaysia wajib mendapat kelulusan NPRA KKM malah vaksin itu sendiri telah menjalani puluhan ribu atau ratusan ribu kali ujian klinikal di seluruh dunia.

"Jadi saya harap rakyat hentikanlah berdebat mengenai vaksin itu sama ada ianya selamat, halal atau tidak kerana selama berpuluhan-puluhan lalu NPRA KKM inilah yang memastikan vaksin itu selamat.

"Daripada terus berdebat tanpa fakta klinikal dan hanya menggunakan emosi, lebih rakyat fokus mengenai peranan mereka untuk menyesuaikan diri dengan gaya hidup dalam suasana norma baru terutamanya sen-

Sebelum ini, media melaporkan Malaysia dijangka mendapat bekalan 12.8 juta dos vaksin iu bagi menampung imunisasi 20 peratus atau 6.4 juta rakyat di negara ini.



"Saya sebagai rakyat juga berbangga kerajaan sanggup mendapatkan vaksin kerana ia adalah langkah yang baik untuk kesihatan semua rakyat".

- CAROLIN Liza Cross

tiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan," katanya.

Dr Sazaly menambah selain mRNA, platform kedua dan ketiga adalah vaksin DNA yang dibangunkan di England dan vaksin virus yang telah dimatikan (inactivated) dari China yang merupakan kaedah yang sudah sekian lama digunakan sebelum ini.

"Vaksin inactivated ini adalah kaedah yang telah lama digunakan yang mana virus COVID-19 akan diam-bil daripada pesakit sebelum melalui proses pembiakan dilakukan dalam makmal.

"Selepas itu, virus berke-naan akan dimatikan untuk dijadikan vaksin COVID-19 yang akan disuntik kepada per-nima vaksin," katanya.

Pada 22 Disember lalu, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam perutusan khas menerusi video mengenai perkembangan terkini pem-berian vaksin COVID-19 untuk rakyat Malaysia men-gumumkan beliau akan menjadi antara individu pertama menerima suntikan vaksin COVID-19.

Perdana Menteri ber-kata, ia bagi meyakinkan rakyat bahawa vaksin COVID-19 diperoleh itu adala-h selamat dan berkesan sebelum ia diberikan kepada petugas barisan hadapan dan kumpulan sasar.

Pengumuman itu turut dikongsi di Facebook (FB) rasmi KKM sehingga mendapat lebih 33,000 reaksi, 2,000 komen dan hampir 3,000 perkongsian netizen meluahkan pandangan masing-masing sehingga mence-tuskan perdebatan dalam kalangan mereka.

Dinosaur Encounter tarikan baharu pelancongan Melaka



SHADAN

Saliawati Salberi
Foto MR. Azli

AYER KEROH - Taman tema Dinosaur Encounter di Zoo Melaka yang dibuka 25 Disember lalu dijangka mampu menarik pelancong untuk singgah menerokai habitat haiwan raksasa purba itu.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Datuk Shadan Othman berkata, taman tema tersebut mempunyai 100 spesies dinosaur dan bercirikan robotik selain antara terbesar di Asia Teng-

gara, dilihat mampu menarik pengunjung dari dalam serta luar Melaka.

"Taman yang dilengkapi dinosaur robotik dengan perincian interaktif itu mampu menarik minat pengunjung terutama kanak-kanak ke kawasan terbabit.

"Saya tidak berani hendak meletakkan sasaran beberapa ramai tetapi yakin ramai akan datang ini kerana jika dilihat pada Facebook Dinosaur Encounter ia sudah dikongsi lebih 3,000 hantaran," katanya kepada Melaka Hari ini.

Shadan berkata, pihaknya yakin Dinosaur Encounter akan menjadi satu tarikan terbaharu yang boleh merancakkan lagi sektor pelancongan di negeri ini.

Sementara itu, Pengurus Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembalaan Malaysia (MATTA) Melaka Goh Hock Gin berkata, pihaknya menyambut baik kewujudan taman tema itu kerana dapat membantu sektor ekonomi terutamanya industri pelancongan.

"Sebagai wakil dari pemain industri pelancongan saya menyambut baik Dinosaur Encounter ini kerana dapat membantu kedatangan pelancong ke Melaka.

"Taman tema ini akan menjadi tarikan kerana ia berlainan dengan dinosaur dari pelbagai spesis dan saiz serta ditempatkan di kawasan semula jadi di zoo ia bakal memberi pengalaman menakjubkan," katanya.

Mengulas lanjut Goh berkata, pihaknya akan jalankan kerjasama bersama pihak zoo dan operator yang terbabit dalam membantu mempromosikan Dinosaur Encounter ini.

"Sebarang produk pelancong baharu, kami selaku pemain industri amat mengalu-alukan terutamanya yang canggih seperti ini," katanya.

"Memang berpuas hati sangat!"

Foto MR. Azli

"KALAU ada 10 bintang, saya akan bagi 10 bintang. Memang berpuas hati sangat!"

Demikian reaksi seorang pengunjung berhubung tarikan terbaharu di Zoo Melaka, Dinosaur Encounter yang mula dibuka kepada orang ramai bermula 25 Disember lepas.

Fazuil Abdul Manan yang datang bersama dua keluarga dari Kajang, Selangor mengakui percutianya bersama keluarga ke Negeri Melaka begitu berbaloi apa-bila dapat menyaksikan sendiri taman tema dinosaur interaktif yang terbesar di Asia Tenggara itu.

Jelasnya, ketrujaan paling maksimum terpancar



"Dengan harga tiket RM38 bagi dewasa dan RM31 bagi kanak-kanak bagi saya memang cukup berbaloi".

- FAZUIL

di wajah anak bongsunya yang begitu meminati dinosaur apabila dapat melihat replika robotik haiwan pra sejarah itu dengan lebih dekat.

"Dengan harga tiket RM38 bagi dewasa dan RM31 bagi kanak-kanak bagi saya memang cukup berbaloi. Bukan sahaja dapat bawa anak lihat dinosaur tetapi kami disajikan juga pertunjukan burung dan dapat melihat pelbagai haiwan yang ada dalam zoo ini.

"Tahniah kepada Zoo Melaka kerana dapat mempersembahkan sesuatu yang bagus untuk menarik kehadiran lebih ramai pelancong ke Melaka.

Bagi Zulhilmi Salleh, 32 dari Lumut, Perak, kepenatan memandu kira-kira lima jam dari ke Negeri Melaka begitu berbaloi apabila melihat sendiri kegembiraan anak-anaknya di Zoo Melaka.

"Saya memang niat nak bawa mereka berjalan-jalan lepas beberapa bulan duduk di rumah. Bila

sampai sini memang anak-anaklah yang paling gembira. Bagi saya berbaloi sangat kedatangan kami ke sini," katanya.

Nada sama turut dikongsikan seorang lagi pengunjung dari Kluang, Johor, M Privina, 26.

Dia berkata, keseronokan berada di Dinosaur Encounter bukan sahaja untuk kanak-kanak, bahkan orang dewasa seperti turut merasai keterujaan itu.

"Kita tak tahu ada Dinosaur Encounter dalam Zoo Melaka kerana pada awalnya saya dan keluarga hanya datang untuk lihat haiwan. Bila masuk memang saya terkejut kerana dinosaur ini juga boleh bergerak-gerak dan ada suara.

"Bukan kanak-kanak sahaja teruja, saya yang dewasa ini pun turut kagum. Memang saya akan beritahu kawan-kawan untuk datang ke Zoo Melaka ini," ujarnya.

Sementara itu, bagi seorang pengunjung dari Puchong, Selangor, Meryl Nadia Esrail, dia mengharapkan pihak Zoo Melaka dapat



"Tahniah kepada Zoo Melaka kerana dapat mempersembahkan sesuatu yang bagus untuk menarik kehadiran lebih ramai pelancong ke Melaka".

- ZULHILMI

Tarik 1,000 pengunjung dalam tempoh sejam

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PEMBUKAAN hari pertama Dinosaur Encounter di Zoo Melaka berjaya menarik ribuan pengunjung dari dalam dan luar Melaka.

Datuk Shadan Othman berkata perkara itu boleh dibuktikan apabila pihaknya menerima kira-kira 1,000 pengunjung hanya dalam tempoh sejam apabila Zoo Melaka mula dibuka pada 25 Disember lepas.

Justeru, pihaknya menjangkakan lebih 10,000 pengunjung akan terus membanjiri Zoo Melaka pada Jumaat, Sabtu dan Ahad bagi menyaksikan sendiri tarikan terbaharu yang telah disediakan.

"Sebenarnya, bukan sahaja Dinosaur Encounter, kita juga baru sahaja memperkenalkan International Bird Show dalam Zoo Melaka ini. Tujuan kita memperkenalkan dua produk baharu ini adalah untuk menjadikan Zoo Melaka sebagai 'educational park'.

"Contohnya, kanak-kanak boleh mengenali haiwan pra sejarah yang mana kita menempatkan 100 spesies dinosour di sini dan dalam pertunjukan burung pula mereka disajikan dengan pelbagai persembahan burung serta pada masa sama boleh mengenali haiwan-haiwan yang ada.

"Daripada dua tarikan terbaharu ini ia terbukti memberi kesan positif apabila saya dimaklumkan pada jam 10 pagi tadi (25 Disember), sudah hampir 1,000 pengunjung datang ke sini. Jadi, saya yakin kita akan menerima lebih 10,000 pengunjung pada setiap Jumaat, Sabtu dan Ahad," katanya.

Dalam pada itu, Shadan memaklumkan pihak Zoo Melaka masih menitik beratkan aspek prosedur operasi standard (SOP) bagi membendung penularan pandemik COVID-19 dalam kalangan pengunjung.

Jelasnya, antara SOP yang dititik beratkan ialah penjarakan fizikal dalam kalangan pengunjung yang mana pihaknya telah menyediakan petak khas di setiap kawasan tumpuan bagi mengelakkan pengunjung berkumpul beramai-ramai.

"Selain itu kita juga mewajibkan pemakaian pelitup muka dan menjalankan proses sanitasi setiap dua jam sekali," katanya.



PENGUNJUNG teruja melihat pelbagai jenis replika dinosour yang terdapat di taman tema Dinosaur Encounter.

melakukan beberapa lagi penambahbaikan di dalam Dinosaur Encounter jika mahu menjadikan kawasan itu lebih menarik.

Jelasnya, antara penambahbaikan yang perlu dilakukan ialah seperti maklumat mengenai setiap spesies dinosaur serta sistem bunyi yang perlu dipertingkatkan.

"Contohnya, macam T-Rex, saiznya besar, tapi bunyinya tidak begitu kuat untuk memberikan ketakutan. Jika ada bunyi yang lebih

kuat, saya percaya ia akan jadi lebih menarik.

"Apa pun, saya gembira melihat pembaharuan yang ada ini dan InsyaAllah saya akan kembali lagi nanti untuk melihat penambahbaikan yang dilakukan termasuklah melawat Dinosaur Encounter pada waktu malam yang dikhaskan bermula Januari akan dibuka dan dihiasi dengan pelbagai lampu yang menarik seperti filem Avatar," katanya.

Bas Singgah-singgah

Tidak melibatkan perbelanjaan kerajaan negeri - Sulaiman

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali menegaskan perkhidmatan Bas Singgah-singgah yang akan diperkenalkan tahun depan tidak melibatkan sebarang perbelanjaan daripada kerajaan negeri.

Jelasnya, perkhidmatan berkenaan merupakan projek usahasama di antara Panorama Melaka Sdn Bhd dengan sebuah syarikat swasta dari ibu kota, WSH Automotive Sdn Bhd yang mana kos pelaburan berjumlah RM20 juta bagi pembelian bas itu dieluarkan sendiri oleh syarikat berkenaan.

Justeru, ujarnya, tidak perlu timbul sebarang isu membabitkan pembelian bas elektrik dengan kos yang mahal kerana pada akhirnya, ia adalah untuk keselesaan pengunjung dan pelancong yang datang ke Melaka dan menggu-

nakan perkhidmatan berkenaan.

"Biarlah nilainya RM10 juta sekali pun, selagi kerajaan negeri tidak mengeluarkan sebarang perbelanjaan, kita tidak kisah. Boleh dikatakan perbelanjaan itu adalah daripada syarikat swasta itu sendiri.

"Cuma kita di pihak kerajaan negeri akan dapat manfaat dari segi kutipan tiket, selain ada sumbangan dari segi model perniagaan yang akan dipulangkan kepada Panorama Melaka.

"Bagi saya memang haranganya (bas elektrik) mahal. Tapi ia adalah untuk keselesaan pengunjung dan pelancong, Bas itu cukup selesa, berhawa dingin dan ada pelbagai kemudahan lain menarik. Tapi apa yang paling penting ialah bas itu juga akan mengurangkan pembuangan asap dan karbon monoksida di kawasan pelancongan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada

Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Peringkat Negeri Melaka di Taman Botanikal Ayer Keroh.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Datuk Seri Abdul Ghafar Atan, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) Datuk Salhah Salleh; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Datuk Shadan Othman dan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Melaka Khirun Nizam Abdul Rahim.

Terdahulu, Melaka mengumumkan perkhidmatan bas pelancongan pertama di negeri ini yang dikenali sebagai bas singgah-singgah.

Bas singgah-singgah itu akan menggunakan khidmat bas elektrik yang dilengkapi 'Virtual Augmented Reality Goggle' untuk para pelancong, dengan jadual 'drop off' and



SULAIMAN (berdiri dua kiri) menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Usahasama Bas Pelancongan Singgah-singgah Melaka di antara Panorama Melaka yang diwakili Pengurus Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur Negeri Melaka merangkap Pengurus Lembaga Pengaruh Panorama Melaka Sdn Bhd, Datuk Roslan Ahmad dan WSH Automotive Sdn Bhd yang diwakili pengurusnya, Datuk Quek Wan Hong di Langkawi, pada 17 Disember lepas.

'hop on' di kesemua lokasi pelancongan di Melaka.

Sebanyak lapan unit bas akan disediakan dan dijangka beroperasi menjelang Mac

2021, melibatkan lapan fasa destinasi pelancongan, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM20 juta.

Produk pelancongan ter-

baru di Melaka itu juga dijangka bakal dinikmati oleh lebih kurang 290,000 warganegara Malaysia pada setiap tahun.

Melaka terima zakat perniagaan RM15,240,918.15



MOHAMAD Zahir menyerahtan replika cek zakat perniagaan kepada Tun Mohd Ali sambil disaksikan Sulaiman (kiri) di Dewan Seri Utama, baru-baru ini.

AYER KEROH - Melaka menerima sejumlah RM 15,240,918.15 zakat perniagaan bagi tahun 2020 daripada agensi-agensi korporat di negeri ini.

Majlis penyerahan itu telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali Mohd Rustam di Dewan Seri Utama, baru-baru ini.

Penyerahan itu turut disaksikan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali bersama barisan Exco kerajaan negeri.

Yang turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr. Hasim Hasan; Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka Datuk Ibrahim Fadzil; ahli-ahli lembaga

pengaruh Zakat Melaka serta wakil agensi korporat yang hadir untuk melunaskan zakat perniagaan.

Dalam majlis tersebut, sebanyak 16 agensi korporat hadir menyempurnakan sesi penyerahan replika cek zakat perniagaan kepada Mohd Ali.

Lembaga Tabung Haji yang diwakili Pengaruh Negeri Melaka, Mohamad Zahir Hussin@Yusof mengetuai serahan zakat perniagaan iaitu sebanyak RM2,797,897.60.

Ia diikuti penyerahan zakat oleh Lembaga Jurukur Tanah Malaysia, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Tenaga Nasional Berhad, Bank Rakyat, Selia Selanggor Selatan Sdn Bhd, Fazil

Agency dan Yayasan Melaka.

Turut menyerahkan zakat ialah Syarikat Air Melaka Berhad (SAM), Selia Selenggara Engineering Sdn Bhd, QSR Stores Sdn Bhd, Pembangunan Pertanian Melaka Sdn Bhd, Bina Masyhur Sdn Bhd, Perbadanan Melaka Holdings Sdn Bhd, Rural Capital Bhd dan Putra Specialist Hospital Sdn Bhd.

Untuk rekod, kutipan zakat peniagaan bagi tahun ini menuai 11.42 peratus berbanding tahun lalu yang merekodkan kutipan RM17,206,205.78.

Penurunan itu dipercayai berpunca daripada penularan pandemik COVID-19 yang menyaksikan banyak syarikat dan agensi terkesan dari sudut kewangan.

Kutipan zakat meningkat 0.95 peratus

MELAKA merekodkan kutipan zakat berjumlah RM87,059,870.89 bagi tahun 2020, sekali gus menunjukkan peningkatan berbanding tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka Datuk Ibrahim Fadzil berkata, jumlah itu meningkat RM820,021.10 atau 0.95 peratus berbanding kutipan berjumlah RM 86,239,849.79 yang dicatatkan pada 2019.

Bukan itu sahaja, malah ujarnya, jumlah pembayar zakat di negeri ini turut meningkat menjadi 47,661 berbanding 45,308 tahun lalu dengan peningkatan seramai 2,353 atau 5.19 peratus.

"Walaupun dalam musim COVID-19, Alhamdulillah kutipan dan jumlah pembayar zakat meningkat. Walaupun jumlah yang dibayar berkurangan berbanding sebelum ini, namun dengan pertambahan

bilangan pembayar zakat kita dapat menampung kekurangan tersebut sekali gus menyumbang kepada peningkatan jumlah keseluruhan.

"Boleh dikatakan hampir semua jenis zakat meningkat yang mana kita percaya peningkatan ini disumbangkan hasil usaha menggerakkan promosi di media sosial termasuklah membuat siaran langsung untuk meningkatkan kesedaran kepada pembayar zakat khu-

susnya di negeri ini," katanya.

Menurutnya, pihaknya menyasarkan jumlah kutipan zakat di negeri ini akan terus meningkat dengan sasaran peningkatan 10 hingga 15 peratus setiap tahun.

"Kita akan terus memperkasakan pembayaran secara dalam talian dan pada masa sama kita juga menyediakan inisiatif untuk turun ke lapangan bagi memudahkan urusan pembayar zakat.

"Dengan cara ini kita akan menghubungi pihak syarikat atau pembayar individu dan kemudian kita akan berjumpa untuk mentafsirkan zakat dan pada masa sama memudahkan mereka untuk terus membuat pembayaran," katanya.

Untuk rekod, setakat 21 Disember 2020, zakat pendapatan mendahului kutipan keseluruhan zakat harta negeri ini iaitu sebanyak RM

50,605,707.33, diikuti zakat wang simpanan (RM 14,675,170.59), zakat perniagaan (RM15,240,918.15), zakat emas perak (RM 942,293.54), zakat saham (RM669,893.73) serta zakat ternakan dan zakat pertanian.

Manakala zakat fitrah pula merekodkan kutipan RM4,807,684.00 pada tahun ini, yang mana ia turut meningkat 6.46 peratus berbanding tahun lalu.

Dasar Pelancongan Negara 2020-2030

Jamin kelangsungan industri pelancongan Malaysia – PM



MUHYIDDIN ketika berucap melancarkan Dasar Pelancongan Negara 2020-2030 berkenaan secara dalam talian pada 23 Disember lepas.



MAJLIS Tindakan Ekonomi Negara menjangkakan Malaysia memerlukan sekurang-kurangnya empat tahun untuk memulihkan semula industri pelancongan.

congan.

“Sehubungan itu, pembangunan industri pelancongan yang berasaskan teknologi digital adalah penting bagi memastikan objektif dasar ini dapat dicapai.

“Tambahan pula, kemajuan teknologi juga dapat mengukuhkan jaringan antara industri serta membuka jalan bagi subsektor inovatif baharu dalam industri pelancongan yang akan mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan. Dengan ini, pelaburan pelancongan yang berpusatkan teknologi adalah digalakkan,” katanya.

Beliau berkata melalui DPN, Malaysia akan mewujudkan zon pelaburan untuk projek pelancongan atau Special Tourism Investment Zones bagi meningkatkan kerjasama awam-swasta serta menarik lebih ramai pelabur tempatan dan antarabangsa.

Tegasnya, kerajaan Perikatan Nasional (PN) juga komited untuk mengimbangi pembangunan serta pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah negara termasuk alam sekitar, budaya dan warisan.

“Matlamat kita ialah untuk menjenamakan Ma-

laysia sebagai Top of Mind Ecotourism Destination of the World. Saya juga yakin kelestarian sumber boleh memacu pertumbuhan ekonomi baharu di samping mewujudkan peluang pekerjaan,” tambahnya.

Perdana menteri berkata usaha itu selaras dengan komitmen Malaysia terhadap Agenda 2030 dan 17 Matlamat Pembangunan Lestari di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Justeru, beliau berharap strategi yang terkandung dalam DPN 2020 – 2030 akan mendapat sokongan padu dan kerjasama penuh

semua pihak, terutamanya penggiat industri, badan bukan kerajaan, pihak swasta dan pemegang taruh berkaitan.

Muhyiddin berkata pada 2019, industri pelancongan negara menyumbang 15.9 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan nilai RM240.2 bilion serta melibatkan 3.6 juta tenaga kerja.

Bagaimanapun, katanya kehadiran pandemik COVID-19 menjelaskan aktiviti ekonomi berkaitan industri pelancongan dengan kerugian pada tahun ini dianggar melebihi RM100

bilion.

Beliau berkata kerajaan sedar pelaksanaan beberapa peringkat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak itu telah memberikan impak yang besar kepada industri pelancongan negara.

Katanya Majlis Tindakan Ekonomi Negara menjangkakan Malaysia memerlukan sekurang-kurangnya empat tahun untuk memulihkan semula industri pelancongan, iaitu satu tempoh yang agak panjang dan akan memberikan cabaran besar kepada semua pihak terlibat dalam industri berkenaan.

“Saya percaya, di peringkat awal ini kita boleh menjana semula industri pelancongan negara dengan merancakkan aktiviti pelancongan domestik, sementara sempadan masih ditutup dan mengembalikan keyakinan rakyat untuk melancong dalam negara,” tambahnya.

- BERNAMA

Harap semua bersatu hati gerakkan Dasar Pelancongan Negara 2020-2030 – Nancy

KUALA LUMPUR – Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Seri Nancy Shukri berharap agar semua pihak bersatu hati menggerakkan Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030 ke arah memastabatkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan kebudayaan di serata dunia.

Nancy berkata melalui dasar berkenaan, tumpuan akan diberikan kepada pelancongan lestari dan peningkatan pendapatan pelancongan yang merupakan indikator terpenting dalam memberi impak kepada ekonomi negara.

“Selain itu, kita juga berharasrat untuk menjadikan



NANCY

Malaysia sebagai destinasi ekopelancongan pilihan dunia berdasarkan tarikan semula jadi yang ada di Malaysia,” katanya dalam ucapan alu-aluannya pada majlis pelancaran DPN 2020-2030 yang diadakan secara dalam talian baru-baru ini.

Dasar berkenaan kemudiannya dilancarkan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Menurut Muhyiddin, DPN 2020-2030 yang dilancarkan hari ini bermatlamat menjamin kelangsungan industri pelancongan negara serta kembali menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terpilih di peringkat global.

Perdana Menteri ketika berucap melancarkan dasar berkenaan secara dalam talian, berkata matlamat itu akan dicapa-

pai melalui pendekatan utama yang merangkumi pengukuhan daya saing, pembangunan sektor pelancongan secara lestari

dan inklusif serta kesediaan mengharungi bencana pada masa akan datang.

- BERNAMA

WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

28 Disember 2020 - 3 Januari 2021 (13 Jamadilawal 1442H - 19 Jamadilawal 1442H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
28 DISEMBER 2020	6.00 am	7.14 am	1.15 pm	4.39 pm	7.14 pm	8.29 pm
29 DISEMBER 2020	6.00 am	7.14 am	1.16 pm	4.39 pm	7.14 pm	8.29 pm
30 DISEMBER 2020	6.01 am	7.15 am	1.16 pm	4.40 pm	7.15 pm	8.29 pm
31 DISEMBER 2020	6.01 am	7.15 am	1.17 pm	4.40 pm	7.15 pm	8.30 pm
1 JANUARI 2021	6.02 am	7.16 am	1.17 pm	4.40 pm	7.16 pm	8.30 pm
2 JANUARI 2021	6.02 am	7.16 am	1.18 pm	4.41 pm	7.16 pm	8.31 pm
3 JANUARI 2021	6.03 am	7.16 am	1.18 pm	4.41 pm	7.17 pm	8.31 pm

PENAMA perjuang penulisan pelbagai genre

Aflieza Arshad

BUKIT BARU - Persatuan Penulis Negeri Melaka (PENAMA) mempunyai sejarah perjuangan yang panjang sejak ia ditubuhkan pada tahun 1970 dengan berbagai misi dan visi sesuai dengan peranannya yang masih relevan dalam zaman yang serba mencabar ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Kesejahteraan dan Kebajikan, Datuk Wira Latipah Omar berkata, warga PENAMA yang dianggotai para penulis dan golongan wartawan telah memberikan nafas kepada media massa, termasuk akbar yang diterbitkan oleh kerajaan negeri.

Katanya, usaha untuk melihat perkembangan dunia penulisan tempatan termasuk penulisan sastera, budaya serta dunia kepengarangan masa kini banyak dimainkan oleh warga PENAMA itu sendiri.

"Saya melihat kerjasama ini sebagai peluang yang baik dan kelebihan yang ada ini boleh digunakan oleh mana-mana persatuan pun."

"Dalam soal ini, kepentingan penulis adalah paling utama dan segala bentuk kolaborasi jika digunakan sebaiknya, boleh mendapat manfaat yang besar," katanya.

Latipah berkata demikian semasa berucap dalam Majlis Sambutan Jubli Emas 50 Tahun PENAMA di Dewan Hang Tuah Perpustakaan Negeri Melaka (PERPUSTAM), baru-baru ini.

Majlis tersebut telah disempurnakan perasmiannya oleh Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam dan turut dihadiri Toh Puan Asmah Abdul Rahman.

Hadir sama, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Senator Datuk Seri Dr Mohamad Ali Mohamad, Ketua 1 PENAMA, Datuk Wira Othman Muhammad, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Abang Sallehuddin Abang Shokoran dan Ketua Satu Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA), Datuk Zainal Abidin Borhan.

Menurut Latipah lagi, PENAMA dianggotai ahli yang memiliki pelbagai kecenderungan dan tidak hanya didominasi oleh orang muda sahaja sebaliknya membentuk persatuan dengan kombinasi ahli-ahli yang mempunyai pelbagai latar belakang menarik.

"Oleh itu, Persatuan PENAMA ditubuhkan untuk menyebarkan konsep perpaduan yang bergiat aktif dalam banyak pengajuran acara berprestij seperti Malam Puisi Sungai bersempena den-



TUN Mohd Ali ketika menyempurnakan perasmian Majlis Sambutan Jubli Emas 50 Tahun PENAMA di Dewan Hang Tuah PERPUSTAM, baru-baru ini.

gan Festival Antarabangsa sungai Melaka serta menjayakan Sayembara Deklamasi Puisi Kebangsaan Peringkat Negeri sejak tahun 1987 semasa Allahyarham Tun Ghafar Baba menjadi Timbalan Perdana Menteri.

"Bersempena dengan majlis yang bersejarah yakni genap usia 50 tahun PENAMA, saya menyeru kepada semua khususnya ahli PENAMA supaya terus berusaha menjadi penulis yang prihatin untuk mendalami masalah masyarakat, bangsa, negara dan agama supaya karya yang dihasilkan tidak bercanggah dengan fakta," katanya.

Tambah Latipah lagi, pada sisi lain pula para penulis juga disarankan supaya memiliki kemahiran pemetaan masalah dan pembangunan plot se-waktu menulis cerpen, drama atau novel supaya cerita berkembang dengan sempurna, diperkuuh dengan bahasa yang tepat dan indah bagi menepati konteks penceritaan dan pemberitaan.

"Saya berharap, dalam kita berarya, berikanlah penekanan kepada unsur-unsur dakwah dengan menyeru amar makruf nahi mungkar agar setiap sudut bacaan atau ilmu yang disampaikan itu benar-benar memberi manfaat kepada si pembaca."

"Bagi pihak kerajaan negeri pula, saya akan memberikan sokongan yang padu kepada PENAMA yang tidak jemu-jemu ingin memajukan ahli-ahlinya dalam kegiatan yang selari dengan kemajuan industri kreatif negara dan negeri sebagai usaha untuk menggamit

dan menggalakkan para pembaca untuk terus membaca, dan penulis untuk terus menulis," ujarnya lagi.

Sementara itu Othman pula berkata, pada tahun 1982, pentadbiran kerajaan Negeri Melaka mengasaskan akbar Medan Rakyat yang kemudian dikenali sebagai Suara Melaka.

"Suara Melaka kemudiannya dijenamakan sebagai Melaka Minggu Ini (MMI), seterusnya pada masa sekarang, akbar ini dikenali sebagai Melaka Hari Ini (MHI).

"Selaku pengasas dan penggiat utamanya, saya dan sahabat Hamid Jins dan NS Maniam, membentangkan konsep penerbitan akbar ini kepada kerajaan negeri supaya ia menjadi lidah rasmi kerajaan dalam menyampaikan amanat pemimpin, melaporkan kegiatan penduduk selain menyediakan ruang cerpen, sajak, rencana dan berita untuk karyawan muda menyalurkan bakat menulis," katanya.

Othman turut terbuka PENAMA menerima keahlian dan sangat mengalu-alukan orang muda menyertai persatuan ini di samping dapat menerima kepelbagai pendapat dan idea.

"Kami tiada halangan bahkan PENAMA pun tidak pernah duduk di bawah satu ideologi politik atau idealisme yang rigid kerana kami mengamalkan keterbukaan."

"Pada saya, PENAMA saling lengkap-melengkapi kerana pada akhirnya kita menuju matlamat yang sama," katanya.

Prof Datuk Dr Sidek Baba dinobat Tokoh PENAMA

Farah Suhaidah Othman

"**SELAGI** ada hayat saya, Insha-Allah saya akan terus menulis," kata Datuk Profesor Dr Sidek Baba selepas beliau dinobatkan sebagai Tokoh Persatuan Penulis Negeri Melaka (PENAMA) sempena Majlis Sambutan Jubli Emas persatuan itu, baru-baru ini.

Anugerah berkenaan disampaikan Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam di Dewan Hang Tuah PERPUSTAM.

Dr Sidek berkata, sehingga ini beliau telah menghasilkan 50 buah buku pelbagai genre termasuk sastera, agama dan pendidikan.


Beliau yang juga Penerima Anugerah Perdana Maulidur Rasul 2009 berkata, anugerah itu mengingatkannya tentang perjuangan dirinya dalam PENAMA ketika menjadi Ketua Satu selama tiga tahun.

"Di situ saya melanjutkan kegiatan saya untuk terus menulis sehingga hari ini, saya telah menulis 50 buku tentang sastera dan agama serta pendidikan, ilmu dan bangak lagi."

"InshaAllah dalam usia saya yang agak tua ini, saya akan terus menulis supaya ia menjadi khazanah kepada generasi masa hadapan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata selagi masih bernyawa, beliau akan terus menabur bakti dalam dunia penulisan terutamanya mengenai Pendidikan Islam dan mahu masyarakat umum memahami tentang ilmu itu.

Dr Sidek yang dilahirkan di Kampung Pulau, Masjid Tanah pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang menangani Hal Ehwal Pembangunan Pelajar pada tahun 1994 hingga 2002.



DR Sidek ketika menunjukkan sijil Tokoh PENAMA selepas selesai majlis tersebut.



YANG di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam ketika menanam anak pokok Kelat Paya sebagai simbolik perasmian Program Penanaman Anak Pokok Kelat Paya di Dataran Taman Rempah Sungai Melaka pada 20 Disember lepas.

Program inisiatif Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM) itu menyaksikan sebanyak 700 anak pokok Kelat Paya ditanam bagi menghijaukan lagi landskap di sepanjang kawasan tersebut.



Berkonsepkan eko pelancongan

'Glamping' akan diwujudkan di Melaka

Farah Suhaidah Othman

BANDA HILIR - Tiga kawasan 'glamping' berkonsepkan eko pelancongan akan diwujudkan se kali gus menjadi tarikan baharu industri pelancongan di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata pihaknya dalam perancangan untuk menyiapkan kertas kerja serta mengadakan perbincangan bersama Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) untuk menyediakan lokasi glamping bersebelahan kolam renang MBMB.

Katanya, pada masa sama, beliau bersama Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan

Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan akan ke Bukit Gapis bagi memajukan kawasan air terjun di sana bagi tujuan glamping berkonsepkan eko pelancongan.

"Kita juga akan mewujudkan pulau glamping (island glamping) yang mana lokasinya terletak di Pulau Nangka, iaitu destinasi terakhir Melaka River Cruise yang terdapat dalam pakej Dinner Cruise."

"Di Pulau Nangka itu ada kira-kira satu kilometer pantai yang boleh direnangi serta pendataran rakit," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI) selepas merasmikan penutup Melaka Tourism Association (MTA) & Lazada Shopping Platform bersama Ahli MTA di sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata perancangan untuk menyediakan lokasi glamping itu bermula sejak setahun lalu dan beliau mengharapkan kehadiran pelabur bagi memastikan tarikan baharu itu menjadi kenyataan.

"Pembangunan bagi tujuan glamping tidak memerlukan kos infrastruktur yang tinggi seperti bersebelahan kolam renang MBMB namun bagi pembangunan glamping di Bukit Gapis, ia perlu kerana kita mahu membangunkan kawasan air terjun di situ."

"Bagi Pulau Nangka pun kosnya agak kurang kerana kita hanya memerlukan 'generator' dan aktiviti glamping di pulau itu berdasarkan permintaan," katanya.



MUHAMMAD Jailani menerima cenderahati selepas merasmikan penutup Melaka Tourism Association (MTA) & Lazada Shopping Platform bersama Ahli MTA.

Perkenal bakat baharu dondang sayang dalam acara rasmi Melaka

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Bakat-bakat baharu yang dilahirkan menerusi penganjuran bengkel dan pertandingan dondang sayang di negeri ini bakal diketengahkan di dalam majlis-majlis rasmi Kerajaan Negeri Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, hal itu bertujuan untuk memastikan seni warisan yang diiktiraf UNESCO sebagai 'representative list of the intangible cultural heritage of humanity' itu tidak luput ditelan zaman.

Jelasnya, kerajaan negeri sentiasa memberikan sokongan penuh kepada segala usaha untuk menjaga warisan seni itu khususnya dalam kalangan generasi muda selaras dengan objektif memupuk masyarakat mencintai seni warisan Melayu tradisional.

"Dengan mekanisme penganjuran bengkel dan pertandingan, saya percaya kita dapat memperkenalkan seni dondang sayang ini kepada generasi muda khususnya dan kepada para pelancong amnya sebagai salah satu warisan seni budaya negeri yang masih dikekalkan.

"Pihak kerajaan negeri sentiasa menyokong dan mendukung program seperti ini yang diadakan pada setiap tahun kerana ia dapat memberi faedah bersama kepada penggiat seni dan orang awam untuk bertukar fikiran tentang keunikan pantun dondang sayang melalui percambahan fikiran serta pertandingan yang sihat

di antara peserta dan kumpulan selaras dengan objektif program ini untuk menyatupadukan masyarakat.

"Saya percaya, melalui penganjuran pertandingan dondang sayang ini, pihak penganjur juga boleh mencungkil bakat baharu dalam kalangan masyarakat di Melaka untuk diketengahkan pada acara-acara rasmi Kerajaan Negeri Melaka selepas ini," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi teks ucapan yang dibacakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Daerah, Luar Bandar, Pengurusan Banjir dan Teknologi Hijau negeri Datuk Seri Utama Idris Haron yang hadir merasmikan majlis penutup dan penyampaian hadiah Pertandingan Dondang Sayang Peringkat Negeri Melaka.

Pertandingan dondang sayang anjuran Institut Warisan Melaka (INSWA) dan Persatuan Dondang Sayang Negeri Melaka itu berjaya mengumpulkan seramai 17 peserta bagi kategori vokal atau nyanyian serta 18 kumpulan untuk kategori tarian yang datangnya dari Melaka, Kuala Lumpur dan Selangor.

Di akhir pertandingan menyaksikan Amirul Ashraff Mohd Hatta muncul juara kategori vokal remaja, manakala Yasser Fikri Abu pula menjuarai kategori vokal dewasa.

Kategori tarian menyaksikan Nyala Dance Theatre Kuala Lumpur dinobat selaku johan, manakala tempat kedua dan ketiga masing-masing dimenangi Tari Tari Entertainment (Melaka) dan Sanggar Seni Warisan (Selangor).



ANTARA peserta cilik yang menyertai pertandingan Dondang Sayang kategori vokal remaja.

#KitaMestiMenang

TEMPOH INKUBASI COVID-19

COVID-19 tidak mengenal hari cuti atau musim perayaan

HARI PERTAMA

Siti terdedah kepada jangkitan COVID-19

HARI KETIGA

Siti masih sihat dan dapat keputusan negatif dalam ujian COVID-19

HARI KELIMA

Siti menghadiri majlis kenduri yang turut dihadiri 100 orang jemputan yang lain. Pada masa ini, kebolehjangkitan COVID-19 adalah tinggi

HARI KETUJUH

Siti mula menunjukkan simptom dan diuji positif untuk COVID-19

COVID-19 tetap berjangkit tidak mengira musim. Sentiasa waspada.

BERSAMA HENTIKAN WADAI COVID-19

myhealth.mkm

PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19



AMIRUL Ashraff Mohd Hatta dinobat johan vokal remaja dan menerima hadiah kejuaraan daripada Idris.

Langkah kanan realisasi penubuhan Universiti Melaka

Faiz Hasan

AYER KEROH - Dalam usaha merealisasikan hasrat menuju Universiti Melaka (UNIMEL), kerajaan negeri memulakan langkah kanan dengan menjalin kerjasama menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) bersama 41 agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Pengerusi Jawatankuasa di Jabatan Ketua Menteri (Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknikal dan Vokasional, Sains dan Inovasi), Datuk Noor Effandi Ahmad berkata, ia adalah sebagai langkah menaik taraf ranking Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Ma-

laysia (SETARA) KUIM dari tiga bintang ke lima bintang.

"Kerjasama strategik antara pemain industri membabitkan pelbagai sektor akan diperluaskan KUIM bagi mencapai matlamat institusi berorientasi industri yang mampu mencapai tahap penubuhan universiti berdasarkan ranking SETARA."

"Sekarang KUIM hanya mencapai tiga bintang dan untuk merealisasikan penubuhan UNIMEL, penarafan lima bintang diperlukan. Bagaimanapun kita cuba pertingkatkan dari tiga bintang kepada empat bintang dahulu."

"Jalinan rangkaian strategik terhadap 41 agensi membabitkan dalam dan luar

Melaka mampu memastikan jalinan strategik dengan program pertukaran pelajar, penyaluran dana sekali gus mampu menyuntik pendidikan dan penyelidikan ke peringkat yang lebih tinggi," katanya kepada pemberita selepas hadir ke Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara KUIM dan 7 Agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan di Seri Bendahara sambil disaksikan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md. Ali pada 24 Disember lepas.

Hadir sama, Naib Canselor KUIM, Prof. Datuk Dr. Mohd Taib Dora.

Sementara itu, Mohd Taib menjelaskan, bagi mem-



MOHD Taib bersama Ketua Pegawai Operasi Melaka Hari Ini (MHI), Anuar Shaari bergambar bersama selepas bertukar dokumen MoU sambil disaksikan Sulaiman.

nuhi syarat penubuhan UNIMEL, beberapa kriteria perlu dipenuhi bagi menubuhkan universiti tersebut.

"Antaranya adalah keper-

luan staf yang perlu mempunyai pengiktirafan Ijazah Doktor Falsafah (PhD), profesor, pensyarah kanan, dana penyelidikan yang mencukupi termasuk keperluan kemasukan pelajar antarabangsa.

"Selain itu, penyediaan fasiliti pembangunan kampus yang lengkap dan yang paling penting adalah kursus pengajian diploma dan ijazah yang diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)," kat-

anya.

Terdahulu, sebanyak tujuh agensi telah terlibat dalam MoU tersebut membabitkan Majlis Ekonomi Halal dan Keusahawanan Ummah Malaysia; Taman Mini Malaysia dan Mini ASEAN; Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM); Hotel AMES; Melaka Hari Ini (MHI); Buletin Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) dan Kolej Antarakabanga DMDI.

Berbusana bak zaman Kesultanan Melayu Melaka

Fazrul Abd Majid

KOTA LAKSAMANA – Bagai kembali ke zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Itu yang dapat disimpulkan pada Malam Apresiasi Media Melaka 2020 anjuran Pejabat Ketua Menteri Melaka bertempat di Hotel Casa Del Rio pada 23 Disember lepas.

Bertepatan dengan temanya, Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md. Ali bersama pengamal-pengamal media negeri ini lengkap berbusana bak sultan dan pembesar Melayu Melaka di zaman dahulu kala.

Para pengamal media yang diraikan pada majlis itu bukan sahaja dijamukan

dengan juadah yang enak, bahkan pelbagai aktiviti turut disertakan seperti pertandingan karaoke, pertandingan busana terbaik, cabutan bertuah, joget lambat dan pelbagai persembahan kebudayaan yang lain.

Sulaiman dalam ucapannya menyifatkan peranan media khususnya di negeri Melaka begitu besar khususnya dalam menyalurkan maklumat yang tepat dan berkesan kepada rakyat.

"Saya akui, sumbangan dan bantuan yang telah diberikan oleh media massa serta pengamal-pengamal media di Melaka kepada Kerajaan Negeri Melaka dan rakyat Melaka secara keseluruhan, memang cukup besar.

"Mereka sanggup berpanas, berhujan dari pagi hingga ke malam dalam usaha memberikan berita serta informasi terkini yang tepat lagi sahih kepada rakyat.

"Kita amat menyanjung tinggi peranan mereka dan sebab itulah kita adakan majlis seperti ini untuk menghargai para media dan pada masa sama untuk meningkatkan hubungan kerajaan negeri dengan seluruh media di negeri ini tidak kira hal media cetak, elektronik maupun media sosial," katanya.

Turut hadir, pegawai kanan kerajaan negeri.

Kira-kira 200 media dan wakil agensi kerajaan hadir pada majlis berkenaan.

PENDIKA terima sumbangan RM5,000

KELAB Pengamal Media Melaka (PENDIKA) telah menerima sumbangan sebanyak RM5,000 daripada Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali pada program Malam Apresiasi Media Melaka 2020, baru-baru ini.

Pihak PENDIKA diwakili oleh pengurusnya, Amir Mamat, menerima sumbangan tersebut yang disampaikan sendiri oleh Sulaiman.

Selain PENDIKA, Persatuan Wartawan Melaka (MJA) turut terima sumbangan tersebut.

Sementara itu, Sulaiman berharap hubungan baik antara kerajaan negeri dengan pengamal media massa akan dapat ditingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

"Selain kita dapat bertemu dan mengenali antara satu sama lain dengan lebih rapat, besar harapan saya agar kita dapat terus meningkatkan lagi hubungan kerjasama baik yang sudah terjalin selama ini, antara pentadbiran kerajaan negeri bersama-sama dengan pengamal media massa di Negeri Melaka ini."

"Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua sahabat-sahabat media di Melaka, atas kerjasama yang cukup baik, yang telah diberikan kepada saya serta seluruh saf kepimpinan kerajaan negeri selama ini," katanya ketika berucap dalam majlis tersebut, baru-baru ini.



SULAIMAN bergambar bersama pengamal media massa yang lengkap berbusana mengikut tema Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka pada majlis Malam Apresiasi Media Melaka 2020 anjuran Pejabat Ketua Menteri Melaka bertempat di Hotel Casa Del Rio pada 23 Disember lepas.

MELAKA HARI INI

Pengarang Kanan
MUHD RIZANIZAM ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

LIANA SAHABUDIN
lilyann90@melakahariini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakahariini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakahariini.my

Pengarang
MOHD HAMZATUL AKMAR MD ZAKARIA
yondaime87@melakahariini.my

NURSALIA SALBERI
nur_salberi@melakahariini.my

FARAH SUHAIDAH OTHMAN

farahothman@melakahariini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakahariini.my

Jurufoto Kanan
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

MOHD FAZRUL ABDUL MAJID
fazrul@melakahariini.my

MIMIE AZURA ABU BAKAR

mimieazura1981@melakahariini.my

PEMASARAN
MUHAMMAD HAMZI ROSMANI
amz@melakahariini.my
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.com

MELAKA TV

Ketua
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakahariini.my
Wartawan Penyiaran
MOHAMAD FARIS HAikal
farishhaikal.zakaria@melakahariini.my
Jurukamera
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakahariini.my

NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

SITI NAJIHA ABDULLAH
snajihah96@yahoo.com

SHARIFAH NORHALIDAH SYED KHAIDZIR
khalidah@melakahariini.my

Penyunting Video
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakahariini.my

AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI
aufazzati98@melakahariini.my

AMIRUL RAMLI
amirulramli1990@melakahariini.my

Taman Belimbing Harmoni

Durian Tunggal, Melaka

BANTUAN ANSURAN
RM200 SEBULAN
PERCUMA
UNTUK 24 BULAN PERTAMA***

SEDIA
DIDUDUKI
UNIT TERHAD

Taman Perumahan Sederhana Pertama

Yang Mempunyai "Club House"

"Kolam Renang & Gym"

*PERCUMA Yuran "CLUB HOUSE"
6 Bulan Pertama



TEMPAHAN DIBUKA SEKARANG !



RUMAH SEMI-D

DARI
RM435,100-00**

36' X 70'

5 BILIK TIDUR
5 BILIK AIR



RUMAH TERES
2 TINGKAT

DARI
RM353,400-00**

22' X 70'

4 BILIK TIDUR
3 BILIK AIR



KEDAI PEJABAT
1 1/2 TINGKAT

DARI
RM429,000-00

20' X 65'

LUAS TANAH : 1,300 - 1,837 SQF
LUAS BINAAN KEDAI : 2,151 - 3,185 SQF



* Tertakluk Pada Terma & Syarat ** Bumiputera lots *** Rumah Berkembar 2 Tingkat & Rumah Teres 2 Tingkat **** Hanya untuk BSN MyHome-i (Skim Perumahan Belia) sahaja



NOR - **010-432 2108**
FADZIL - **010-270 3832**

HIDAYAH - **017-310 1102**
OTHMAN - **013-365 6185**



SMS REALTY SDN BHD
966511-V

Lot 2855 - 2863 Pinggir TTDI, Jalan Damansara, 60000 Kuala Lumpur
No. Permit Iklan : 19335 - 1/03 = 2020/0232 (P) * No. Lesen Pemaju : 19335 - 1/03 - 2020/0232/L

TEL: 03-7733 1666
FAX: 03-7732 0666

10 Mhi

Selamat
Hari & Tahun
Natal Baharu

2021

Setulusikhlas daripada



WARGA KERJA MELAKA HARI INI (MHI)



www.melakahariini.my

Melaka Hari Ini



EDISI 28 DISEMBER 2020 - 3 JANUARI 2020

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhan mereka serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)



PEMBAYAR zakat bergambar bersama Tun Seri Setia (Dr) Mohd Ali Rustam.

Kesedaran tunai zakat meningkat

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

AYER KEROH – Majlis penyerahan zakat perniagaan bagi tahun 2020 daripada agensi-agensi korporat di negeri telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali Mohd Rustam.

Penyerahan itu turut disaksikan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman Md Ali bersama barisan Pengurus Jawatankuasa Ne-geri.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr. Hasim Hasan; Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka (ZM) Datuk Ibrahim Fadzil, ahli-ahli lembaga pengarah Zakat Melaka serta wakil agensi korporat yang hadir untuk melunaskan zakat perniagaan.

Zakat Melaka (ZM) telah berjaya merekodkan jumlah

kutipan zakat sebanyak RM 87,059,870.89 bagi tahun ini yang meningkat berbanding kutipan tahun sebelumnya.

Ketua Pegawai Eksekutif ZM, Datuk Ibrahim Fadzil menjelaskan, jumlah itu meningkat RM 820,021.10 atau 0.95 peratus berbanding kutipan berjumlah RM86,239,849.79 yang dicatatkan pada 2019.

Katanya, jumlah pembayar zakat di negeri ini turut meningkat menjadi 47,661 berbanding 45,308 tahun lalu dengan peningkatan seramai 2,353 atau 5.19 peratus.

Ujarnya, dengan keadaan penularan pandemik Covid-19, kutipan dan jumlah pembayar zakat tetap meningkat walaupun jumlah yang dibayar berkurangan berbanding sebelum ini.

"Dengan pertambahan bilangan pembayar zakat, sedikit sebanyak kita dapat menampung kekurangan tersebut dan sekali gus menyumbang kepada



HASIM menyerahkan zakat mewakili Perbadanan Melaka Holdings (PMH).

peningkatan jumlah kutipan keseluruhan," katanya lagi.

"Hasil promosi yang berturusan melalui media sosial dan layaran peringatan mesra secara langsung membantu meningkatkan kesedaran kepada pembayar zakat melunaskan tanggungjawab mereka khususnya di negeri ini".

Tambahnya, ZM akan terus memperkasakan pembayaran secara dalam talian dan

pada masa sama turut menyediakan inisiatif untuk turun ke lapangan bagi memudahkan urusan pembayar zakat.

Ibrahim turut menjelaskan dengan cara berkenaan, ZM akan menghubungi pihak syarikat atau pembayar individu dan kemudian akan disusuli dengan perjumpaan untuk tafsuran zakat serta pada masa sama memudahkan mereka untuk terus membuat pem-

bayaran.

Lembaga Tabung Haji (LTH) yang diwakili Pengarah Negeri Melaka, Mohamad Zahir Hussin@Yusof mengetuai serahan zakat perniagaan iaitu sebanyak RM2,797,897.60.

Diikuti serahan zakat oleh Lembaga Jurukur Tanah Malaysia, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Tenaga Nasional Berhad, Bank Rakyat, Selia Selenggara Selatan Sdn Bhd, Fazil Agency dan Yayasan Melaka.

Turut hadir menyerahkan zakat ialah Syarikat Air Melaka Berhad (SAM), Selia Selenggara Engineering Sdn Bhd, QSR Stores Sdn Bhd, Pembangunan Pertanian Melaka Sdn Bhd, Bina Masyhur Sdn Bhd, Perbadanan Melaka Holdings Sdn Bhd, Rural Capital Bhd dan Putra Specialist Hospital Sdn Bhd.

“ Dengan pertambahan bilangan pembayar zakat, sedikit sebanyak kita dapat menampung kekurangan tersebut dan sekali gus menyumbang kepada peningkatan jumlah kutipan keseluruhan. ”





PEGAWAI Agihan Zakat daerah Alor Gajah, Mazfazil Ismail bersama krew Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) mengadakan penggambaran program Bersamamu di rumah asnaf, Ahmad Firdaus bin Mohamad dalam Kariah Londang baru-baru ini.



BADAN Sukarelawan Al-Taqwa (BSAT) diketuai Ketua Unit, Mohd Haziq Abdullah Thani menyantuni asnaf dan menyampaikan katil serta lampin pakai buang kepada asnaf di sekitar negeri ini.



SANTUNI MUALLAF...Sebahagian pelajar Universiti Teknologi MARA Shah Alam (UiTM) mengadakan program Kunjungan Kasih menyantuni asnaf saudara muslim di Kompleks Darul Huda MAIM. Program ringkas berkenaan disempurnakan dengan serahan kit makanan dan pelitup muka kepada asnaf muallaf yang berada di kompleks itu.

Ke Manakah Wakaf Anda?



Jam Berwakaf

Wakaf Tunai Melaka



Bayaran Wakaf Serendah RM 2.00 Sahaja



Kaedah bayaran #1
MELALUI
POTONGAN GAJI
SECARA BULANAN

Kaedah bayaran #2
Download
APPS e-WALLET
BOOST

Kaedah bayaran #3
Bayar di Kaunter
Wakaf MAIM

Kaedah bayaran #4
MELALUI AKAUN BANK
BANK ISLAM (MAIM)
0401 5010 0174 34

Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809

Taat dan patuhi rukun Islam

TERDAPAT suatu fenomena di kalangan umat Islam yang mengambil ringan terhadap kerukunan Islam yang lima. Mereka mempunyai suatu rukun Islam, dalam pada masa yang sama mereka pula meninggalkan rukun yang lain. Sedangkan kerukunan ibadah dalam Islam itu haruslah ianya bersifat konsisten, ikhlas dan perlu mempunyai elemen dan nilai penyerahan kepada Allah SWT, barulah rukun itu boleh dikatakan sempurna bagi seseorang muslim itu.

Ada sesetengah muslim, hanya mementingkan solatnya sedangkan dalam pada masa yang sama mereka ini enggan untuk mengeluarkan zakat. Sedangkan seruan terhadap berzakat itu boleh dikatakan bernilai setara dengan solat. Hampir setiap kali apabila Al-Quran menyebutkan tentang solat, maka akan digandingkan dengannya perintah berzakat. Ini berlaku sebanyak 28 kali sebutan di dalam Al-Quran dan ianya dilihat sebagai satu mesej penting tuhan kepada manusia. Sepertimana firman Allah SWT di dalam Surah Al-Baqarah ayat 43:

Yang bermaksud: **"Dan dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat dan rukuklah bersama-sama mereka yang Ruku".**

Solat dan zakat adalah sesuatu yang mem-

punyi perkaitan yang rapat. Ianya seperti menyempurnakan iman apabila melakukan ibadah yang bersifat *badani* (ibadat yang dilaksanakan dengan tubuh badan), dan dilengkapkan dengan ibadah *maalih* (ibadah yang dilaksanakan dengan membelanjakan harta). Iman itu tidak cukup sekadar dengan lidah, dengan hati serta menyempurnakan ibadah dengan tubuh badan, akan tetapi ianya juga ber maksud mengeluarkan dan membelanjakan hara ke jalan Allah demi menegakkan agamanya.

Orang yang hanya solat dan tak mengeluarkan zakat adalah mereka yang belum sempurnakan imannya. Mereka sekadar merasakan hanya orang yang kaya raya dan mempunyai lebih harta sahaja wajib berzakat. Akan tetapi mereka ini tidak sedar bahawa, mereka sendiri tidak pernah mentaksir atau menghitung pendapatan dan harta yang dimiliki sama ada sudah melepas nisab dan haul atau tidak. Akhirnya mereka kekal leka tidak berzakat dan berasa cukup dengan amalan sedia ada sedangkan pada masa yang sama mereka ini telah berdosa tidak mengembalikan harta kepada mereka yang berhak sedangkan kewajipan itu telahpun terbeban ke atas diri mereka.

Sebahagian mereka yang lain pula hanya

mementingkan ibadah puasa sahaja. Kerana itu agak sukar kita menemukan mereka yang makan di khalayak ramai di bulan Ramadan. Akan tetapi mereka ini pula meninggalkan solat pada sepanjang masa. Terdapat juga di kalangan mereka ini selama hidup tidak pernah membongkok untuk rukuk dan sujud menunaikan solat. Sedangkan solat itu adalah asas dan tiang kepada agama dan perlu dilakukan oleh setiap muslim tidak kira dalam apa jua keadaan sama ada sihat atau sakit, menetap di suatu tempat atau bermusafir dan tetap diwajibkan juga di kala aman atau perang.

Ada juga di kalangan umat Islam yang tidak menghiraukan soal tanggungjawab melaksanakan haji. Pada hemat mereka, haji itu hanya dilakukan apabila sudah usia tua sahaja. Ada dikalangan mereka yang sudah mempunyai wang yang cukup untuk melaksanakan haji. Mereka cenderung untuk melancong atau membelanjakan harta mereka hanya untuk memenuhi kepuasan diri dan nafsu. Sedangkan walaupun mereka ini solat dan zakat, haji itu telah terbeban sebagai wajib apabila cukup syaratnya, mereka tidak pergi menunaikannya.

Ada pula yang tidak langsung memperuntukkan sebahagian kecil dari pendapatannya

“solat itu adalah asas dan tiang kepada agama dan perlu dilakukan oleh setiap muslim tidak kira dalam apa jua keadaan sama ada sihat atau sakit, menetap di suatu tempat atau bermusafir dan tetap diwajibkan juga di kala aman atau perang. ”

untuk rancangan mengerjakan haji. Itu adalah lebih baik, malahan adalah wajib untuk kita memperuntukkan sebahagian harta pendapatan yang diperolehi untuk disimpan sebagai bekalan menunaikan haji, walaupun usia kita masih muda.

Ini adalah sebahagian sikap umat ini pada hari ini. Ianya perlu dirawat dan diperbaiki agar sikap-sikap yang membawa kepada keruntuhan rukun Islam ini tidak berlaku dan kita mahukan muslim yang mempunyai pegangan yang kuat dalam beragama dan rukun Islam adalah titik tolak untuk kita menuju ke arah muslim yang mengambil berat akan agamanya.

Sebarang pertanyaan, permasalahan dan pengiraan zakat bolehlah menghubungi di talian 06-2812441/42/43 ZAKAT MELAKA atau melayari laman web .

REBAT 100% CUKAI PENDAPATAN

Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP), Seksyen 6A (3), memberi keistimewaan kepada orang-orang Islam iaitu:

"Rebat hendaklah diberikan pada tahun-tahun taksiran untuk sebarang bayaran zakat atau lain-lain tuntutan agama Islam yang mana pembayarannya wajib dan yang telah dibayar dalam tahun asas bagi tahun taksiran itu dan dibuktikan oleh resit yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama yang berkenaan yang ditubuhkan mengikut undang-undang bertulis".

Ini bermakna, semakin banyak zakat yang dilunaskan semakin kuranglah kadar cukai pendapatan yang akan dikenakan. Ini disebabkan oleh rebat cukai yang disediakan.

Contoh Pengiraannya :

SITUASI 1: CUKAI MENYAMAI ZAKAT

"Jika tuan/puan melunaskan zakat sebanyak RM800 tuan/puan layak untuk mendapat rebat cukai sebanyak RM800."

SITUASI 2: CUKAI MELEBIHI ZAKAT

= Jumlah Cukai Pendapatan - Jumlah Zakat
= Jumlah Cukai Perlu Dibayar
= RM1,000 - RM800
= RM200 (Jumlah Cukai Perlu Dibayar)

SITUASI 3: ZAKAT MELEBIHI CUKAI

= Jumlah Zakat - Jumlah Cukai Pendapatan
= Jumlah Cukai Perlu Dibayar
= RM1,000 - RM800
= Tiada (Jumlah Cukai Perlu Dibayar)

CALL & TAKE



Hubungi Kami Di Talian:

1-300-88-0233

Kami SEDIA Ke Premis Anda Untuk
KIRA & LUNAS ZAKAT



atau sila layari:
izakat.com
Untuk Pembayaran Secara Atas Talian



Zakat Melaka akan mengambil langkah pencegahan seperti disarankan Majlis Keselamatan Negara bagi memastikan keselamatan pelanggan dan warga kerja Zakat melaka terjamin dalam usaha mencegah penularan wabak Covid-19

1-300-88-0233 www.izakat.com Zakat Melaka zakat.melaka Zakat Melaka

JOM BERWAKAF

"Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat"

Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu **sedekah jariah**, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya

-Hadith Riwayat Muslim-

Tinjau & pantau tanah wakaf

TIMBALAN Pengerusi MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud menyampaikan cek berjumlah RM 963,796.00 kepada Pegawai Daerah Alor Gajah, Rahizi Ranom bagi tujuan bayaran pampasan ke atas lot 2124 GM 262 dan lot 2125 GM 191, Mukim Sungai Baru Tengah bagi tujuan tapak masjid Kariah Balik Batu dalam DUN Tanjung Bidara. Turut kelihatan hadir, Ketua Seksyen Wakaf MAIM, Joriza Jauhari.



TINJAUAN tanah wakaf milik MAIM di atas lot 1133 seluas 1.9249 ekar, Mukim Pulau Sebang.



PERBINCANGAN bersama ahli jawatankuasa Masjid Kariah Bukit Pegoh, Pernu yang telah dipengerusikan oleh pengeurus masjid berkenaan, Datuk Roslan Ibrahim bagi memperhalusi proses pewakafan tapak masjid kariah berkenaan. Hadir sama Pengurus Baitulmal MAIM, Mohd Sharif Somathulla.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
 06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
 06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](https://www.youtube.com/majlisagamaislammelaka) **Facebook** | [facebook/maimmelaka](https://facebook.com/maimmelaka)



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni



SMART A+

**SOALAN LATIHAN &
TEKNIK MENJAWAB SPM
SUBJEK : BAHASA MELAYU**

TEKNIK PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU SPM



Langkah 3 : Menulis Isi Tersirat (4 - 12 markah)

- Isi tersirat dibina berdasarkan **soalan FOKUS 2**. Binalah perenggan isi tersirat dengan memasukkan sekurang-kurangnya 2 isi tersirat.
- Kata tugas untuk **FOKUS 2** perlu dimasukkan dalam ayat pertama perenggan isi tersirat.
- Isi tersirat **tidak terdapat dalam petikan** yang diberikan.
- Tiada markah isi sekiranya isi tersebut diambil daripada petikan.
- Pelajar perlu mengolah ayat sendiri dengan syarat ayat tersebut gramatis dan lengkap.

(i) Cadangan isi tersirat

Ibu bapa	Pihak sekolah	Media massa
<ul style="list-style-type: none"> - Asuhan - Didikan agama - Kasih sayang - Suri teladan - Pemantauan 	<ul style="list-style-type: none"> - Pengajaran di dalam kelas - Aktiviti kokurikulum - Pertandingan - Peranan guru 	<ul style="list-style-type: none"> - Iklan - Promosi - Tayangan dokumentari/filem
Kerajaan	Rakan sebaya	Masyarakat
<ul style="list-style-type: none"> - Penguatkuasaan undang-undang - Dendaan/hukuman - Dana/modal - Kempen kesedaran - Kerjasama dengan Negara luar - Hubungan diplomatik 	<ul style="list-style-type: none"> - Pengaruh - Sokongan - Motivasi - Ajak berjumpa 	<ul style="list-style-type: none"> - Sikap ambil tahu - Prihatin - Melaporkan - Memberi nasihat - Memberikan kerjasama
Badan Bukan Kerajaan (NGO)	Diri sendiri	Semua pihak
<ul style="list-style-type: none"> - Sokongan - Dana/modal - Kempen - jalankan kerjasama 	<ul style="list-style-type: none"> - terlibat dan menjayakan - mempunyai kesedaran - menyertai kempen mendekatkan diri dengan Tuhan - muhasabah diri 	<ul style="list-style-type: none"> - kerajaan kempen - media massa menyiaran - masyarakat bekerjasama - pihak berkuasa mengambil tindakan - ibu bapa ajar



Langkah 4 : Menulis Kesimpulan/Penutup

- Kesimpulan rumusan ditulis berdasarkan fokus soalan/keseluruhan petikan diberikan.
- Kesimpulan rumusan mesti mengandungi ayat cadangan/saranan + kata hubung pancangan + ayat harapan

- a. **Ayat cadangan** – siapa + hendaklah/haruslah + fokus soalan satu (apa tindakan)
b. **Ayat harapan** – kesan/akibat/harapan : cadangan diberi (murid fikir sendiri) yang berkaitan dengan isu yang dibincangkan dalam petikan diiji.

(1) Penanda Wacana	(2) Ayat Cadangan	(3) Kata Hubung	(4) Ayat Harapan
Kesimpulannya, Tuntasnya,	semua pihak hendaklah bekerjasama menggalakkan amalan bersukan	agar demi untuk supaya	kesihatan diri terjamin.

Penutup lengkap :

SIAPA

TINDAKAN - FOKUS 1



Kesimpulannya, **semua pihak** hendaklah **bekerjasama menggalakkan amalan bersukan** supaya **kesihatan diri terjamin**.

HARAPAN

LATIHAN RUMUSAN

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **peranan sekolah memupuk budaya positif dan kepentingan budaya positif dalam kehidupan**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Pada hari ini kecemerlangan murid bukan sekadar diukur dari segi pencapaian akademik yang cemerlang semata-mata bahkan turut mengambil kira kecemerlangan sahsiah dan kurikulum. Program transformasi pendidikan kini bergerak ke arah landasan yang lebih tepat dan padu untuk mencapai matlamat ini. Pada asasnya, sekolah ditubuhkan dengan tujuan untuk mendidik murid dengan ilmu pengetahuan yang berlandaskan pelbagai bidang. Selain itu, pembentukan keperibadian murid juga merupakan salah satu inti penting dalam matlamat penubuhan sekolah di samping menjadi pusat kecemerlangan murid.

Sebagai agen perubahan dalam masyarakat, sekolah dilihat sebagai lokasi tumpuan untuk mengawal tingkah laku dan membentuk personaliti murid. Sekolah sebagai satu institusi pendidikan yang ditubuhkan berperanan memenuhi keperluan anggota masyarakat untuk menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi perkembangan individu secara holistik. Sekolah mempunyai fungsi tersendiri untuk melahirkan murid yang berkualiti dan berketerampilan. Maka dalam konteks ini, sekolah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan peranan sebagai institusi pembelajaran, sosial dan moral.

Peranan sekolah yang penting termasuklah mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan harmoni untuk membangkitkan minat dan semangat murid agar terus belajar dengan *cara yang konsisten*. Selain itu, sekolah merupakan wahana untuk merealisasikan matlamat pendidikan negara yang berfokuskan pembentukan murid yang berilmu, berbudi pekerti dan berpotensi. Sekolah turut dilihat sebagai institusi penting untuk melahirkan murid yang memiliki pemikiran yang kreatif, kritis dan imaginatif.

Pihak sekolah berperanan sebagai pemangkin dan agen perubahan sosial melalui kemajuan dalam bidang pendidikan, sahsiah, disiplin, pergaularan dan interaksi sosial. Perkembangan potensi murid bukan sahaja dinilai dari segi intelek, malahan juga meliputi aspek rohani dan emosi. Sekolah memainkan peranan mengekalkan corak kehidupan dan kebudayaan yang dianggap baik. Contohnya perkara yang berkaitan dengan moral seperti budi bahasa, sopan santun dan hormat-menghormati. Sekolah juga mengajarkan kebudayaan kebangsaan seperti bendera negara, lagu kebangsaan dan bahasa kebangsaan.

Kesimpulannya, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan strategi penerapan nilai-nilai murni secara komprehensif dan bersepada dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Pelan yang menuntut semua pihak terus menggembung segala idea, tenaga dan sumbangan agar negara ini dapat melahirkan generasi muda yang cemerlang bertunjangkan keperibadian yang utuh dan bertatasusila.

Jawapan lengkap :

PETIKAN UMUM :

Berdasarkan petikan soalan 1, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- Berikan maksud rangkai kata cara yang konsisten. (2 markah)
- Pengarang telah mengemukakan tujuan asas penubuhan sekolah. Nyatakan tujuan tersebut. (3 markah)
- Kerjasama antara pihak sekolah dengan ibu bapa amat penting untuk menjayakan program kecemerlangan sahsiah dan kurikulum murid. Jelaskan pendapat anda tentang cara-cara yang dapat dilakukan oleh pihak sekolah untuk meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam program-program tersebut. (4 markah)

JAWAPAN

Pendahuluan:

Petikan membincangkan tanggungjawab / fungsi / tugas sekolah memupuk budaya positif dalam kalangan pelajar di Malaysia. 2M

Rumusan membincangkan tanggungjawab / fungsi / tugas sekolah memupuk budaya positif dalam kalangan pelajar dan kepentingan budaya positif dalam kehidupan. 2M

Isi Tersurat:

- mengawal tingkah laku pelajar. 2M
- membentuk personaliti pelajar. 2M
- memenuhi keperluan anggota masyarakat untuk menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran. 2M
- melahirkan pelajar yang berkualiti dan berketerampilan. 2M



DATUK Dr Sabri Mohamad Sharif

Belanjawan 2021 membahagiakan rakyat Melaka



“GURUKU, apakah itu kebahagiaan?” “Kebahagiaan itu di antara manis dan pahit. Kalau hidup ini hanya dipenuhi kemanisan, lama-lama hati mula menjadi bosan. Jika hidup ini asyik berterusan diwarnai kepahitan, maka lama-lama hati mula menjadi rawan atau dirundung kesedihan”.

Begitulah jawapan Buaya Hamka penuh jujur kepada anak muridnya yang bertanya. Apa yang penting, kita banyakkan berdoa, agar hidup ini sentiasa memperoleh bahagia di bawah lembayung keberkatan Ilahi.

DOA MENAMBAH KEBERKATAN

Kerana itulah dalam pembentangan Belanjawan 2021 Negeri Melaka yang dibentangkan Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka, telah memulakan ucapannya dengan membacakan doa Nabi Ibrahim Alaihis salam, sebagaimana disebut dalam surah Al-Baqarah ayat 126, yang bermunajat kepada Allah SWT agar dijadikan Mekah, sebuah negeri yang aman lagi sejahtera, lalu dikurniakan rezeki melimpah ruah daripada Tuhan yang Maha Berkusa.

Bagi menambah keberkatan, Ketua Menteri juga turut mengakhiri ucapan belanjawan tersebut dengan doa, supaya segala permin-taannya diperkenankan oleh Allah SWT melalui kata-kata indahnya; “Ya Allah, satukanlah hati-hati kami, Agar kami dapat bekerja, membangun MELAKA RUMAHKU yang damai bahagia, hingga mampu menggamit dunia. Maju jayalah MELAKA RUMAHKU, bahagiakan rakyatnya sampai bila-bila, afiat, selamat dunia dan akhirat”.

BELANJAWAN MENSEJAHTERA RAKYAT

Tambahan, inilah belanjawan sulung, selepas genapnya 9 bulan beliau memimpin Kerajaan Negeri Melaka. Seperti yang dimaklumkan oleh Ketua Menteri sendiri, di usia 9 bulan ini, beliau tiada pilihan, melainkan perlu ‘deliver’. Sebab itulah di awal ucapannya, beliau telah mengumumkan pemberian khas sebanyak RM150 kepada bayi comel yang lahir pada hari pembentangan tersebut iaitu 9 Disember 2020 dan RM50 bayi yang lahir di negeri Melaka sepanjang tahun 2021.

Sebenarnya Bajet 2021 Negeri Melaka setebal 339 perenggan, yang dilafazkan oleh Ketua Menteri Melaka di Dewan Undangan Negeri Melaka hampir 2 jam ini, terlalu banyak untuk dikupas mendalam secara satu persatu. Cukuplah jika dikatakan, belanjawan ini keseluru-hannya adalah membahagiakan rakyat Melaka. Hatta sebanyak 126 kali perkataan rakyat telah disebut secara berulang kali dalam pembentangan tersebut, bagi menzhirkan bahawa bajet ini benar-benar memfokus kepada kepentingan dan untuk mensejahterakan rakyat Melaka.

PENGURANGAN HUTANG

Dalam belanjawan ini juga, YAB Ketua Menteri dalam nada penuh kesyukuran, sempat memaklumkan kepada kesemua 28 Ahli Yang Berhormat di negeri Melaka bahawa, di bawah kepimpinannya, setakat ini telah berjaya mengurangkan hutang Kerajaan Melaka daripada RM821.63 juta pada 2019, kepada RM643.24 juta pada tahun 2020, iaitu hampir 21.71 peratus, dengan kejayaan pengurangan hutang berjumlah RM178.39 juta.

ISU KETIADAAN AIR SELESAI

Malah sebelumnya, beliau turut bersyukur kerana telah berjaya menamatkan ‘catuan air berjadual’ pada 1 April lalu. Berbanding pada 8 Disember tahun lalu, paras air di kolam takungan di empangan Durian Tunggal dilaporkan telah meningkat daripada 44 peratus kepada 100 peratus. Dengan nada yakin beliau berkata, InsyaAllah, berkat doa semua, rezeki limpahan hujan kawasan tadahan tersebut, dijangka mampu bertahan paling kurang pun, sehingga September tahun 2021.

BELANJAWAN SURPLUS

Setelah diteliti, tahun 2021 Kerajaan Melaka meneruskan inisiatif bajet surplus dengan bajet keseluruhan berjumlah RM445.86 juta. Peruntukan bagi perbelanjaan mengurus sebanyak RM445.86 juta tersebut menunjukkan peningkatan 14.32 peratus, berbanding tahun 2020 iaitu sebanyak RM390 juta.

HALATUJU MELAKA RUMAHKU

Tambah menarik, belanjawan 2021 Melaka kali ini, telah disulam dengan bidalan, madah, pantun dan petikan, khususnya daripada naskah Perbendaharaan Melayu Lama, dengan menjadikan MELAKA RUMAHKU sebagai falsafah dan tunjang kepada Bajet ini, melalui bait-bait indah bagi mewajahkan MELAKA RUMAHKU yakni;

“Kitalah tiang serinya, kitalah jenang dan jendelanya, kitalah atap dan bumbungnya, dan kitalah pasak juga tangganya.”

Bagai disesuai bidalan Parsi, disebut Tun Sri Lanang, “Rakyat itu umpama akar. Kerajaan ibarat pohonnya. Perpaduan pula bagaikan RUMAHnya. Jikalau tiada akar, mana mungkin pohon dapat berdiri teguh, RUMAH perpaduan pun tidak dapat dibina dengan utuh.”

Maksud mendalam kerangka halatuju MELAKA RUMAHKU yang diimpi dan di-dambakan itu adalah, di dalamnya terkandung visi, misi, pemboleh daya atau enabler, slogan yang dilingkari kecemerlangan dunia dan ukhrawi.

Bagi mengukuhkan pernyataannya, Ketua Menteri yang seakan-akan menggunakan

teknik ‘neuro linguistic programming’ atau NLP, yang turut mengajak seluruh masyarakat untuk berasa bangga sambil menghayati keunikan Rumah Melaka, dengan memohon semua rakyat Melaka agar sama-sama bukalah mata,... pandanglah sedalam-dalamnya, bisikkan sampai terasa pada diri bahawa, ‘ini MELAKA RUMAHKU’.

KERAJAAN PRIHATIN

Laginya, belanjawan 2021 kali ini bukanlah yang biasa-biasa. Kerana ketika ini, Negeri Melaka sedang berdepan dengan dugaan besar, yang tidak pernah ditempuhi, hatta terfikir dek akal fikiran kita sebelumnya iaitu, cabaran kesihatan, ekonomi dan politik.

Atas dasar itulah, yang mendorong Kerajaan Melaka untuk meletakkan perkataan rakyat sebagai roh utama, dalam slogan mereka, selain mengutamakan kepentingan setiap insan di dalam belanjawan negeri Melaka seperti yang dibentangkan.

Justeru, kita menyambut baik atas keprihatinan Ketua Menteri dan semua barisan Exco Kerajaan Negerinya, yang bersetuju memotong gaji bulanan mereka sebanyak 10 peratus, selama 1 tahun sepanjang tahun hadapan. Kesemua wang tersebut akan dimasukkan ke Tabung Bencana Negeri Melaka bagi membantu rakyat yang terkesan akibat wabak COVID-19.

TEMA, TERAS DAN STRATEGI BELANJAWAN 2021 MELAKA MENGGAMIT DUNIA

Ini selari dan amat bertepatan dengan tema belanjawan 2021 Melaka kali ini iaitu, MELAKA RUMAHKU: MERANCAK EKONOMI, MEMBAHAGIA RAKYAT, MENGGAMIT DUNIA.

Belanjawan ini, menjurus kepada perencanaan strategik, yang bersifat Big Plan, Bold Action and Fast Result. Ini termasuklah untuk mengoptimalkan perbelanjaan, mengekplorasi hasil sumber baharu dan memperkasa agensi serta syarikat berkaitan kerajaan negeri.

Bajet 2021 ini juga, berasaskan kepada T.E.R.A.S atau TERAS. T untuk TEKNOLOGI. E untuk ENTREPRENEURSHIP. R untuk REVOLUSI INDUSTRI DAN EKONOMI. A

merujuk kepada ANTARABANGSA, dan Sada-rah SEJAHTERA, untuk kepentingan rakyat. Bagi merealisasikan 5 TERAS utama ini, 12 strategi direncana untuk menjadikan Melaka sebuah negeri lebih berdaya saing, maju, cemerlang dunia dan ukhrawi.

Kesemua strategi tersebut iaitu, menyediakan insentif impak pandemik COVID-19, memperluaskan inisiatif pintar, meluaskan aplikasi, membangunkan ekonomi rakyat, menggalakkan pelaburan berimpak tinggi, menggiatkan pelaburan sektor pembuatan, merancakkan sektor pelancongan, memper-hebat institusi pendidikan, memperkuuh kerajaan tempatan, meneruskan insentif kebajikan rakyat, menyantuni isu-isu rakyat dan memperkuuh institusi perekonomian islam, tidak lain tidak bukan, bertujuan untuk mensejahterakan rakyat dan memakmurkan ekonomi Melaka.

MENCAPAI KPI DAN 40 TOUCH POINTS

Dalam mencapai KPI dan sasaran serta meningkatkan kecekapan seperti yang telah ditetapkan, Ketua Menteri menggunakan analogi perumpamaan, dengan mengungkapkan bahawa, “jadilah kita seperti gergaji yang tajam, walau disorong dan ditarik pun, tetap menghasilkan keputusan”.

Jelasnya, dalam belanjawan 2021 Negeri Melaka ini terdapat lebih 80 inisiatif untuk merancak ekonomi dan membahagiakan rakyat Melaka, seraya menggamit dunia, termasuklah 40 touch points utama Bajet, yang menyentuh tentang program dan inisiatif untuk kepentingan seluruh lapisan, golongan dan strata masyarakat di Melaka, seperti golongan petani, nelayan, pengayuh beca, peniaga kecil dan sebagainya, bakal akan dikupas pada ruangan akan datang.

Ringkasnya, bak kata cerdik pandai, kata-kata hebat dan perancangan itu ibarat mutiara, tetapi pelaksanaannya adalah umpama mahkota kejayaan, yang kerlipan sinarannya akan bangkit menerangi sebuah nusa bangsa.

Penulis merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Tun Perak (ITP) merangkap Penasihat Ekonomi dan Inovasi Kepada Ketua Menteri Melaka.

In the Shadow of Magellan



THERE is a growing interest in Enrique de Malacca (the name from Portuguese sources) generally described as a Southeast Asian in Magellan's voyage around the world. Enrique "played a significant role in the expedition and deserved to be recognized by the people of the region from which he came from." These words came from a Filipino historian whom I am collaborating in recent years.

My interest in Enrique, precisely the persona of Harun Amrinrashid's Panglima Awang came about some years ago when I was asked to speak on the history and trajectory of the Malay archipelago. The overriding theme and the mood celebrated in such countries as the Philippines, Spain and Portugal was on Ferdinand Magellan – dubbed as he first person to circumnavigate the globe.

My search through the narrative found the story of Magellan, not of Enrique, and certainly not Panglima Awang, the latter as we know is an invention of Harun in his 1958 historical novel titled *Panglima Awang*. The name was mentioned in the fourth prime minister's speech in officiating Malaysia's First International Maritime Conference in Pulau Langkawi on December of 1997. Tun Dr. Mahathir Mohamed



ILLUSTRATION of Magellan ships

lamented that Malaysia has lost the maritime challenge. "We were once renowned seafarers, as portrayed by men like Panglima Awang or Henry the Black who along with Magellan circumnavigated the globe, unfortunately we have somehow lost this trait," he argued. He attributed this to the long years under colonial rule that "have perhaps made us land-

the Europeans into the Archipelago. The Philippines is revisiting 1521 as the birth of the nation.

Meanwhile what is the story of who went around the world - Magellan or Elcano? This is the eternal struggle between Spaniards and Portuguese 500 years after the first circumnavigation of the Earth. Certainly history is not taught the

or the language of the source: Enrique, Henrique, Heinrich, Henry, and even Henry the Black. His real name is lost to history.

In Malaysia, we know of Enrique de Malacca as Panglima Awang, the name given by Harun. Harun based his story on the persona of Enrique de Malacca, captured by Ferdinand Magellan in Malacca in

look for some queries, surveying the various perspectives on Magellan. Accordingly he had asked me what Panglima Awang represents, what can we learn from his story and how do we connect the different historical perspectives to contemporary life?

Panglima Awang was recent knowledge in Malaysia, and now slowly emerging from behind the shadow of Magellan (Magalhaes). And over the last decade, he (Panglima Awang) penetrated into the national consciousness as a national hero - the first man and a Malay to circumnavigate the world (never mind the polemics and of Elcano). Panglima Awang was associated with Malay maritime knowledge and technology, creating a new narrative for Malay maritime history.

Panglima Awang is a symbol of early Malay-European encounters. But the world may not celebrate the man. They celebrate Magellan, perhaps Elcano too. Next year is the anniversary of the circumnavigation. It would be an opportunity for Panglima Awang to be significantly present in the Magellan narrative... Enrique is an Asian representation of the Magellan story. Panglima Awang is relevant to us in Malaysia, Indonesia and the Philippines, Brunei and Singapore too. Does Malaysia not want to be part of that representation in 2021?"

lubbers with a distinct dislike for being away from home for any length of time."

Next year, the world is celebrating the 500th anniversary of Magellan's expedition. Our Tanah Air neighbour the Philippines has initiated the Filipinas Quicentenario (1521-2021), under the auspices of the Philippine Quicentenario Center to commemorate the 500th year of Magellan's first circumnavigation of the world, and observing the 500th birthday of the nation in 2021.

Magellan arrived in the Philippines in 1521. His death in the hands of Datu Lapu-Lapu in Mactan in that year is taken to be the first Malay resisting the intrusion of

same in Spain and in Portugal.

And what of Enrique, the man from the Malay Archipelago who was on board the *Trinidad*, the ship commanded by Magellan, who, together with four other ships set sail from Spain in August of 1519? The fleet sailed to Brazil, and then headed south hugging the coast through the strait named after him, and called the region Tierra del Fuego (Land of Fire).

Some Filipino historians like Dr. Fernando Santiago, Jr., the director of the Southeast Asia Research Centre and Hub at de La Salle University in Manila is viewed Enrique as the first Southeast Asian to navigate the world, replacing the vanquished Portuguese (and a naturalized Spaniard). Santiago articulated that Enrique had appeared in the historical record under different names depending on the source


1511, and described as serving as interpreter and navigator for the expedition. Some sources stated that Enrique (who was Baptized in Spain)@Panglima Awang originated from Sumatra, others pointed out to Maluku.

"Enrique, Magellan's elusive slave" – the title carried by the *Philippine Daily Inquirer* of 4 November 2020. Writer Ambeth R. Ocampo raised the issue of the perspective of historians – that the story of Magellan is represented in different ways by different countries. He remarked that Enrique "is a mere footnote in the circumnavigation, his true origins yet to be ascertained."

Recently there are commemorations in Chile of the Magellan expedition/circumnavigation anniversary. This made the editor of the Latin American Desk from The Associated Press in Mexico City, to

NEXT WEEK:
Kedah on my mind

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



SELAMAT
MENYAMBUT
TAHUN BAHARU

2021

Setulusikhlas daripada



Pengerusi, Timbalan Pengerusi,
Ahli Lembaga Pengarah,
Ketua Pegawai Eksekutif
Dan Warga Kerja Perbadanan
Kemajuan Tanah Adat Melaka

Selamat Menyambut Tahun Baharu 2021

Setulus Ikhlas Daripada



Yang Dipertua, Ahli Majlis dan
Warga Kerja Majlis Perbandaran Alor Gajah

**RESIDENSI
Bukit Katil**

Pegangan Bebas | Tanah Adat Melaka


Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :
06 - 286 5120
Isnin hingga Jumaat (9:00 pagi - 5:00 petang)
E-mel: wiramagr@gmail.com

Kemudahan

- Surau
- Gimnasi
- Tadika
- Taska
- Taman Permainan
- Dewan Komuniti
- Bilik Dobi

Pelan Lantai

Jenis A (Tengah) : 1,000 sqft (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)	Jenis A2 (Hujung) : 1,000 sqft (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)
Jenis A1 (Tengah) : 1,000 sqft (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)	Jenis A3 (Hujung) : 1,000 sqft (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)



TYPE BI
3 Bedrooms
2 Bathrooms
1,000 sq.ft

TYPE CI
3 Bedrooms
2 Bathrooms
1,000 sq.ft



NIKMATI GAYA HIDUP LENKAP DAN KONDUSIF SERTA PERSEKITARAN LESTARI

Residensi @ BUKIT KATIL merupakan sebuah nadi pembangunan baru di Bukit Katil, Melaka yang dilengkapi pelbagai fasiliti serba moden dalam persekitaran kondusif dan terletak di lokasi yang strategik. Residensi ini juga behampiran pelbagai prasarana membangun seperti sekolah, hospital dan pusat komersial

TEKS UCAPAN DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN MD ALI KETUA MENTERI MELAKA SEMPENA BELANJAWAN TAHUN 2021 NEGERI MELAKA



Bahagian 3

STRATEGI KEDUA: MEMPERLUASKAN INISIATIF PINTAR

BANDAR PINTAR ATAU SMART CITY

Untuk makluman, Negeri Melaka telah terpilih antara 28 bandar di 11 buah negara di dunia sebagai lokasi smart city, melalui pelaksanaan Projek Kesedaran dan Demonstrasi Grid Pintar.

Projek ini menempatkan sebuah bandar dilengkapi dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Inovatif melalui Global Environment Facility Sustainable Cities 2017-2022, iaitu sebahagian daripada komponen bagi Projek Pembangunan Bandar Lestari.

Untuk ini, Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan semula perkhidmatan bas elektrik yang mendapat sambutan baik sejak tahun 2015, dalam usaha mengekalkan teknologi hijau. Inisiatif ini akan menambah baik asas pembangunan pintar.

Salah satu inisiatif, bagi mempersiapkan Melaka ke arah smart city, dengan merangka Pelan Smart Melaka 2035, yang bakal siap suku pertama 2021.

Selain itu, Sungai Udang akan menjadi lokasi pertama Stesen Waste To Energy atau WTE, bagi penyelesaian masalah pelupusan sampah.

Pembinaan WTE ini dijangka siap pada 2024, mampu menerima seribu tan metrik sis pepejal setiap hari, dan berupaya menghasilkan 20 hingga 25 megawatt tenaga hijau yang mencukupi, untuk menjana kuasa kepada 25 ribu isi rumah di sekitar loji itu.

TEKNOLOGI HIJAU

Untuk pembudayaan hijau di peringkat akar umbi, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Eco-Schools Melaka, melibatkan 131 buah sekolah rendah dan menengah, di mana, 17 buah sekolah, berjaya diiktiraf Eco Schools.

Bagi 2021, kita mensasarkan 100 buah sekolah lagi, untuk menerima pengiktirafan Eco-School.

Laginya, beberapa inisiatif hijau baharu seperti renewable energy, telah giat dilaksanakan di Melaka antaranya, empat ladang solar, Projek Solar Roof -Top dan Net Energy Metering.

Namun begitu, kadar peratusan penjanaan tenaga boleh diperbaharui di Melaka masih rendah, pada kadar lima peratus sahaja.

Mendokong hasrat ini, kita mensasarkan lebih banyak bangunan di Melaka, mengambil inisiatif, memasang solar atas bumbung bangunan masing-masing, termasuklah seluruh bangunan Kerajaan Melaka dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Untuk itu, saya mengarahkan Perbadanan Teknologi Hijau Melaka bagi menerajui inisiatif ini.

REDD PLUS

Kerajaan Melaka juga akan melaksanakan Reducing Emissions from Deforestation and Degradation and the Role of Conservation, Sustainable Management of Forests and Enhancement of Forest Carbon Stocks in Developing Countries atau REDD Plus.

Untuk senang difahami, inisiatif ini mengambil kira fungsi hutan sebagai penyerap karbon merangkumi aktiviti penyahhutanan, kemerosotan hutan, pemuliharaan hutan, pengurusan hutan secara berkekalan dan peningkatan stok karbon dalam hutan.

Mekanisme REDD Plus, berasaskan prinsip pembiayaan bagi jumlah pengurangan pelepa-

san gas rumah kaca atau result-based payments. Inisiatif ini bakal memberikan insentif dan galakan kepada Kerajaan Negeri untuk meningkatkan aktiviti konservasi hutan di Melaka.

STRATEGI KETIGA: MELUASKAN APLIKASI

MAJLIS DIGITAL NEGERI MELAKA

Majlis Digital Negeri Melaka akan ditubuhkan untuk menyelaras pelbagai inisiatif berkaitan ICT. Ia juga selari dengan penubuhan Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara di peringkat Persekutuan, bertujuan mencipta peluang pendapatan kepada rakyat Malaysia dalam ekonomi digital.

Kerajaan juga telah memperkenalkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) untuk memperluas liputan dan mempertingkatkan purata kelajuan jalur lebar mudah alih serta talian tetap.

JENDELA fasa 1 Melaka merangkumi liputan 4G di kawasan berpenduduk, kelajuan jalur lebar mudah alih dan rangkaian gentian optik di premis atau kediaman.

Perancangan inisiatif seperti Smart City, Big Data dan e-Commerce usahawan PKS, memerlukan penyelarasan komprehensif atau menyeluruh, merangkumi ketersediaan infrastruktur telekomunikasi, pengurusan dan analisis data provider serta pengguna.

LIPUTAN PERKHIDMATAN JALUR LEBAR

Kerajaan Melaka melalui SKMM, akan meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan jalur lebar talian tetap. Terkini, kualiti rangkaian berdasarkan tembaga sedang dinaiktaraf kepada rangkaian gentian optik, yang dijangka siap pada 2022. Perkhidmatan ini nanti, dijangka memberi manfaat kepada lebih 42,000 isi rumah di seluruh Melaka.

Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar mudah alih, sebanyak 100 stesen pemancar di menara telekomunikasi sedia ada, telah dinaiktaraf kepada teknologi 3G dan 4G, dan 4 lagi lokasi baharu disasarkan bagi tahun 2021.

Menjelang akhir 2020, pihak penyedia perkhidmatan atau Telco mensasarkan pembinaan lebih 33 ribu sambungan port baharu di sepanjang 668 kilometer jaringan gentian optik.

Selain itu, Kerajaan Melaka dengan kerjasama Telekom Malaysia Berhad, turut membangunkan kemudahan jalur lebar.

Setakat Jun 2020, sebanyak 200,000 port untuk sambungan internet telah disediakan, memanfaatkan hampir 93 peratus isi rumah.

Melalui usaha kolektif ini, Kerajaan Melaka telah mencapai tahap penembusan jalur lebar sebanyak 125 peratus. Manakala, bagi liputan perkhidmatan 4G pula telah mencapai hampir 96 peratus.

WIFI PERCUMA

Kerajaan Melaka bersama-sama PBT, sentiasa berusaha menyediakan kemudahan WiFi percuma, bagi membolehkan rakyat menikmati akses internet percuma secara optimum di seluruh Melaka.

Terutamanya di premis Kerajaan, lokasi hotspot pelancongan dan di 11 buah Pejabat JAPERUN Negeri serta akan diperluas lagi, kepada 17 Pejabat JAPERUN Negeri yang lain.

Gerbang Pembayaran Bersepadu Kerajaan Negeri Melaka

Bagi kemudahan pengguna, kita akan menambah baik Gerbang Pembayaran Bersepadu Kerajaan Melaka atau e-bayar.

Fasa 4 menaiktaraf portal sedia ada, kepada versi aplikasi mudah alih. Portal ini akan diperluask dengan penambahan 18 perkhidmatan baharu pembayaran online.

Antaranya, Cukai Tanah, Cukai Taksiran,

Kompaun Letak Kereta, Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan, Pembayaran Zakat, Bil Utiliti Air, Paket Langganan Sistem Tender Online Melaka atau STOM dan Belian Dokumen Tender dan Sebutharga.

Big Data Melaka

Pada masa ini, data-data semasa Kerajaan disimpan di pelbagai agensi Kerajaan yang mana, ia memberi kesukaran kepada Kerajaan Melaka untuk menganalisa data dan maklumat yang diperlukan, terutamnya ketika tempoh PKP serta pasca PKP.

Untuk itu, Kerajaan Melaka telah mengorak langkah ke arah penyediaan Big Data, sebagai pangkalan data utama yang bakal menjadi pusat rujukan.

Di sisi lain, pada 31 Oktober lalu, dimuatkan "wishlist" dalam Facebook rasmi saya, untuk menyantuni rakyat menyuarakan cadangan mereka, bagi dimasukkan dalam Belanjawan 2021 Melaka.

Bila saya teliti, komen-komen yang diterima, tak sangka pula, Facebook saya dihujani dengan pelbagai harapan dan pandangan bernes dari pada rakyat Melaka.

Antaranya, saya tertarik respon daripada "Boyot Macho", dan "Zakry Chan", yang mengadu, supaya Kerajaan Negeri dapat membantu para peniaga dan penjaja kecil di Melaka.

Saya ambil berat komen-komen mereka, seperi 16 insentif berjumlah 19.44 juta ringgit, yang 14 daripadanya, telah disebutkan awal tadi.

Maka saya umumkan, apa yang pernah kita bantu dan juga insentif baharu, khusus untuk peniaga serta penjaja kecil:

KELIMA BELAS: Mengecualikan sewa tapak penjaja dan peniaga kecil kepada 2,878 orang bagi tempoh Mac hingga April 2020, berjumlah RM2.34 juta;

KEENAM BELAS: Mengecualikan bayaran lesen penjaja dan peniaga kecil kepada 8,483 orang, bernilai RM940,000.

Bermula Januari 2021 pula, Kerajaan Melaka bersetuju, untuk mengurangkan 50 peratus bayaran lesen penjaja dan peniaga kecil, seramai 10,715 orang, berjumlah RM590,000.

'Melaka Bebas Berniaga'

Jika di Wilayah Persekutuan, diumumkan inisiatif 'bebas berniaga' selama 6 bulan, tetapi di Melaka, demi membantu rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah, bagi mencari rezeki untuk berniaga, seperti penjaja kecil, peniaga warung, penjual nasi lemak, pisang goreng, kuih-kuih, penjual air kelapa, maka, sukacita kerajaan negeri umumkan, bermula Januari 2021, inisiatif 'Melaka bebas berniaga' adalah dibenarkan selama satu tahun.

Tapi.., tapi.., lesen niaga kena ada la.., Yang penting ikut SOP yang ditetapkan ok!

Berbalik kepada kiriman Facebook tadi, kalau nak tahu, "Boyot Macho" atau Nor Hisham bin Sahut, peniaga foodtruck dan "Zakry Chan" atau Muhammad Zakry Chan bin Abdullah, peniaga pertanian, kedua-dua mereka hadir dalam dewan ini dan ada di atas sana.

Semoga mereka terus berjaya. Terima kasih kerana sudi 'post' dalam FB saya. Silalah beri tukar kepada Boyot Macho dan Zakry Chan!

TERAS KEDUA: ENTREPRENEURSHIP

Teras kedua adalah Entrepreneurship bertujuan untuk membangun dan menyokong ekonomi rakyat tempatan, supaya menjadi lebih berdaya maju.

STRATEGI KEEMPAT: MEMBANGUNKAN EKONOMI RAKYAT

Dana Bantuan Kasih Niaga

Sebagai galakan berniaga dan menyemarakkan budaya keusahawanan dalam kalangan rakyat Melaka, sukacita saya umumkan, 'Dana Bantuan Kasih Niaga' kepada semua usahawan Melaka berjumlah RM1 juta.

Usahawan Tani

Sektor pertanian juga mempunyai potensi bagi usahawan untuk menjana pendapatan. Untuk itu, seluas 3,269 hektar tanah terbiasa akan dimajukan.

Usaha tersebut akan dilaksanakan melalui pelaburan pemilik tanah dengan kerjasama syarikat swasta dan koperasi, dengan memajukan tanah terbiasa melalui penanaman nanas, labu dan pisang.

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia dan Jabatan Pertanian akan membantu individu atau koperasi yang berusaha untuk transform hutan dan semak samun, menjadi kebun atau ladang pertanian.

Bagi membantu para pekebun kecil pula, kita bersetuju, memberi insentif bayaran premium bagi tanah lanjut tempoh pajakan, berstatus pertanian secara ansuran selama 18 bulan, bagi keluasan tanah 5 ekar ke bawah.

Program Agropreneur Muda

Program Agropreneur Muda, diwujudkan bagi menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan agro, seperti tamanan, ternakan perikanan, industri asas tan, termasuk pemasaran, khidmat sokongan dan agro pelancongan.

Pada 2020, sebanyak 255 ribu ringgit Geran Agropreneur, diluluskan kepada 14 pemohon bimbingan jabatan dan agensi Melaka, di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Usahawan Wanita

Wanita tunjang kepada kemajuan Melaka. Tentu sekali usahawan wanita tidak pernah dilupakan daripada menerima bantuan mahupun menjana pendapatan, khususnya, kepada golongan wanita B40 dan ibu tunggal.

Pelbagai inisiatif disediakan antaranya:

- PERTAMA:** Bantuan Program kemahiran kepada wanita seperti pembuatan kuih dan jahitan;

- KEDUA:** Melalui Program Mamacare, wanita dan ibu tunggal turut dilatih bagi memberi penjagaan selepas bersalin secara tradisional serta moden;

- KETIGA:** Menyediakan 560 ribu ringgit kepada lebih 9,324 orang peserta e-Kasih, melalui Skim Caruman Sukarela Insentif Suri KWSP atau I-Suri sebanyak RM60 se tahun;

- KEEMPAT:** Bantuan Khas secara one-off ibu tunggal di bawah paras pendapatan RM960, atau pendapatan perkapita RM244;

- KELIMA:** Program Young Women Boot camp - Growth for Low Income Women atau GLOW, memfokus kepada kepimpinan wanita muda dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah;

- KEENAM:** Program Bantuan 2 Years Exit Policy, di mana penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat diberikan Geran untuk berniaga; dan

- KETUJUH:** Memperuntukkan RM500,000 bagi pembangunan dan kebajikan wanita.

Sambungan di minggu hadapan

Sembelit : Apakah punca sebenarnya



DR. SHANKAR GUNARASA



APAKAH SEBAB-SEBAB LAIN BERKENAAN SEMBELIT?

MASALAH sembelit adalah simptom yang paling lazim di ketaraan sejak dari dahulu lagi, bukan sahaja di Malaysia malah di serata dunia. Ini adalah satu satunya simptom yang pesakit seringkali membawa diri ke klinik untuk mendapat rawatan. Sudah tentunya masalah sembelit ini ada impact kepada cara kehidupan seharian kita atau “*quality of life*”.

Tahukah anda, kajian yang telah dilakukan menunjukkan golongan wanita adalah dua kali ganda lebih kerap mengalami masalah sembelit berbanding ini dengan golongan lelaki. Fakta ini boleh di kaitkan dengan kecederaan yang di alami di otot tulang pinggul semasa melahirkan anak. Masalah sembelit ini akan lebih ketara lagi bila usia melebihi 70 tahun.

Apakah sebenarnya definisi sembelit? Fahaman terhadap definisi sembelit ini cukup berbeza di kalangan masyarakat kita. Adakah ianya berkaitan dengan “angin” atau kekerapan pembuangan najis yang kurang atau seringkali meneran atau pun masalah ini timbul kerana pemakanan yang kurang serat.

Berdasarkan dengan kriteria yang kini di rujukan iaitu “*Rome IV criteria*” di mana seseorang pesakit itu perlu mematuhi sekurang kurangnya dua daripada kriteria ini iaitu:

- Pembuangan najis kurang daripada 3 kali/ seminggu.
- Meneran ($> 25\%$ semasa pembuangan najis).
- Penbuangan najis berketulan kecil (mirip tahi kambing).
- Sensasi tersepit di bahagian dubur ($> 25\%$ semasa pembuangan najis).
- Sensasi tidak kepuasaan semasa pembuangan najis ($> 25\%$ semasa pembuangan najis).
- Menggunakan jari untuk mengeluarkan najis.

Jika anda mempunyai simptom-simptom yang di nyatakan, bermakna anda mempunyai masalah sembelit. Apakah punca sebenarnya sembelit ini? Memang lazimnya sembelit sering di kaitkan dengan makanan yang kurang serat dan peminuman air yang berkurangan. Tetapi dari segi perubatan, masalah sembelit ini ada banyak puncanya yang perlu di teliti.

Antara puncanya boleh di kaitkan dengan sembelit adalah :

- a) **Gaya hidup**
kurang aktif dan pemakanan yang kurang serat. Juga pengambilan ubatan sembelit atau “*laxatives*” yang berpanjangan boleh menyebabkan sembelit.
- b) **Ubatan**
Sesetengah ubatan untuk darah tinggi, ubatan anti-psychosis, ubat tahan sakit seperti opiates boleh menyebabkan sembelit.
- c) **Masalah endokrin**
Hormon yang kurang seperti thyroid dan calcium.

Masalah kencing manis yang tidak dira-

- Golongan yang berusia lebih 60 tahun dan yang telah tiba-tiba menjadi sembelit, perlu mendapat rawatan endoskopi secepat mungkin.




Syndrome (ODS).

Orang yang mempunyai dissynergia lantai panggul mempunyai masalah untuk menyelaraskan antara saraf otot abdomen dan otot panggul. Ini menyebabkan orang itu sukar untuk mendorong pergerakan usus.

Biasanya pemeriksaan awal akan dilakukan bagi mengenal pasti punca sembelit. Ini dapat dikenal pasti melalui sejarah penyakit dan pemeriksaan fizikal pesakit. Dari pada pemeriksaan ini, beberapa ujian dapat dilakukan untuk mengetahui punca sembelit. Antaranya ujian darah akan dijalankan untuk mengenal pasti punca sembelit. Sesetengah pesakit akan dinasihatkan untuk menjalani prosedur kolonoskopi (memasukkan kamera ke dalam usus besar melalui dubur). Prosedur ‘*anal manometry*’ (tekanan anus) untuk melihat ‘pressure’ di dalam dubur dan ‘defecating proctogram’ (x-ray aktiviti membuat air besar) akan disarankan jika pesakit menunjukkan tanda-tanda kelemahan otot pelvis atau ‘*obstructive defecating syndrome*’.

Bagi mengenalpasti punca sembelit, ujian komprehensif seperti ini perlu dilakukan agar rawatan yang bertepatan dapat dimulakan oleh doktor anda.. Untuk pengetahuan umum, Dr. Shankar Gunarasa di Pantai Hospital Ayer Keroh mempunyai modaliti yang canggih seperti MRI Defecography, Anal Manometry, Endoanal Ultrasound, Sitz marker dan Biofeedback training untuk merawat masalah sembelit ini. Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut tentang rawatan dan mendiagnosis sembelit, anda boleh berhubung dengan **Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.**



MUFC kekalkan 70 peratus muka lama

MELAKA United FC (MUFC) akan mengekalkan kira-kira 70 peratus pemain sedia ada bagi menghadapi saingan Liga Malaysia musim 2021.

Ketua Jurulatihnya Zainal Abidin Hassan berkata, keputusan itu dibuat berikut pengurangan ba-jet pasukan yang diperuntukkan untuk musim hadapan.

Bagaimanapun, beliau percaya pengurangan itu sama sekali tidak akan memberi kesan, sebaliknya yakin dengan peruntukan tersebut, beliau berupaya menyediakan kesebelasan yang dapat memberi saingan dalam aksi Liga Super musim 2021.

"Boleh dikatakan 70 peratus pemain dikekalkan dan

kita juga telah mengenal pasti beberapa pemain baharu yang kini berada pada fasa akhir rundingan.

"Pemain baharu yang kita bawa masuk ada yang merupakan bekas pemain kebangsaan dan ada juga pemain baharu yang kita intai kini sedang dalam usaha menembusi skuad kebangsaan.

"Untuk skuad utama musim depan, saya merancang gabungan pemain-pemain berpengalaman, manakala untuk skuad kedua kita akan cuba membangunkan pemain-pemain muda," katanya ketika ditemui selepas menghadiri Kongres Persatuan Bolasepak Melaka United (MUSA) ke-65, baru-baru ini.



MUFC akan mengekalkan kira-kira 70 peratus pemain sedia ada bagi menghadapi saingan Liga Malaysia musim 2021.

Foto Sumber Facebook MUSA

Dalam pada itu, mengulas mengenai pemain import, Zainal memaklumkan pihaknya akan mengekalkan dua

pemain import lama iaitu Jang Suk-won dan Sony Norde, manakala akan mencari tiga lagi pemain import

baharu untuk memperkuatkan pasukan.

"Kita masih lagi berunding dengan pemain-pemain

ini. Apa pun, kita yakin senarai itu akan kita lengkapkan selewat-lewatnya pada minggu hadapan," ujarnya.

19 pasukan nyata hasrat sertai Liga M3 2021

SEBANYAK 19 pasukan yang bertanding dalam Liga M3 pada musim ini, telah menyatakan hasrat untuk kekal bertanding pada musim 2021, yang dijadualkan bermula Mac 2021.

Pengerusi Liga Bolasepak Amatur (AFL) Datuk Wira Mohd Yusoff Mahadi berkata Liga M3 dan Liga M4 akan distruktur semula yang akan melibatkan pindaan format dan sistem pertandingan secara menyeluruh di

semua peringkat.

Berikut itu, format terbaru divisyen ketiga itu akan membenarkan sebanyak 24 pasukan bertanding pada musim 2021 berbanding 20 pasukan bagi musim 2020 yang dibatalkan selepas dua pusingan susulan pandemik COVID-19.

"Untuk itu, slot tambahan juga akan dibuka kepada pasukan baharu menerusi kerjasama bersama Persatuan Bolasepak Ne-

geri (PBN). Pengesahan pasukan yang akan bertanding dalam Liga M3 2021 hanya akan dibuat setelah kesemua dokumentasi disaring sepenuhnya.

"Proses saringan ini perlu bagi menge-nal pasti pasukan-pasukan terbaik dan kompetitif sekali gus menjadi langkah persediaan bagi menyiapkan mereka (pasukan) ke arah semipro," katanya menerusi kenyataan.

Beliau berkata antara kriteria dalam Garis Panduan Kelayakan Pasukan Liga yang perlu dipenuhi oleh pasukan baharu ialah pemilikan pasukan, butiran lengkap kewangan pasukan dan lain-lain.

Antara pasukan musim ini yang telah menyatakan hasrat untuk bertanding ialah Armed Forces FC, Manjung City FC, Langkawi City FC dan NLFC-Mahsa.

- BERNAMA

FAIZ HASAN

WALAUUPUN bukan berstatus sekolah elit di kawasan bandar, itu bukan penghalang buat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Pengkalan, Alor Gajah untuk menjuarai Liga Bola Sepak Pusat Latihan Daerah (PLD) Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFPD) kategori bawah 17 tahun.

Ketua Jurulatihnya, Azrul Afandi Borhan berkata, biarpun skuad kendaliannya berasal dari sekolah pinggiran bandar, namun mereka berjaya membuktikan pasukan mereka setanding sekolah elit yang lain dalam melahirkan bakat bola sepak yang mempunyai potensi besar.

Menurutnya, sejak sekolahnya menerima undangan jemputan mewakili Daerah Alor Gajah bagi menyertai pertandingan itu, pihaknya tidak menoleh kebelakang dan berusaha keras dalam mencapai hasrat mengharumkan nama sekolah dan mempamerkan bakat sebenar 'budak kampung' yang dilatihnya.

"Apabila menerima undangan tersebut pihak sekolah terus memberi sokongan padu dalam usaha ini malah biarpun sekolah tidak dibenarkan menjalankan sebarang aktiviti dalam musim pasca pandemik COVID-19 ini kami mencari jalan terbaik bagi memastikan semangat murid pasukan ini tercapai."

"Bagaimanapun pihak sekolah tetap meneruskan latihan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan. Kami mengambil inisiatif dengan menggunakan padang awam di kawasan taman perumahan berhampiran bagi memastikan pasukan ini menjalani

'Sekolah kampung' johan bola sepak

latihan yang mencukupi bagi mencapai beberapa kemahiran dalam sukan bola sepak.

"Dan akhirnya kerja keras itu menampakkan hasilnya dan berjaya menunjukkan potensi murid dari sekolah ini untuk menjadi pelapis dalam sukan bola sepak," katanya.

Terdahulu, SMK Seri Pengkalan muncul juara bawah 17 tahun kejohanan berkenaan selepas menewaskan SMK Tinggi Melaka menerusi gol tunggal hasil sepakan penalti dalam aksi final di Stadium Hang Jebat.

Gol kemenangan SMK Seri Pengkalan itu dijaringkan kapten pasukan, Muhammad Al Sidiq Mohd Jafri, 17.

Sementara itu, Muhammad Al

Sidiq yang ditemui Melaka Hari Ini mengaku seakan masih bermimpi dan sukar mempercayai kejayaan yang diraih pasukannya itu apatah lagi kejuraan ini merupakan kejuraan kedua diraih mereka untuk tahun ini.

Lebih manis, katanya, kedua-dua kemenangan itu diraih selepas menewaskan sekolah-sekolah elit.

"Sepanjang lima tahun saya mengikuti pasukan ini kami tidak pernah juara dan kali ini merupakan hadiah terhebat buat saya kerana tahun ini juga sebanyak dua kali kami mengungguli anugerah seperti ini."

"Pada awal tahun lalu juga kami turut menjuarai pada pertandingan bola sepak yang diadakan di Sekolah

Menengah Sains (SMS) Muar merupakan kenangan paling hebat sejak saya menutut di sekolah ini sejak lima tahun lalu," katanya.

Bagi seorang lagi pemain Muhammad Hilmie Abd. Talib, 17 menyifatkan kejayaan tersebut sebagai yang terbesar pernah diraihnya bersama 20 pemain lain selepas mengharungi lima kali pusingan dalam kejohanan ini.

"Kami bermula baik dengan menang tipis 1-0 dengan SMK Tinggi Melaka di pusingan pertama dan

JUARA pada pertadingan terbabit bersorak kegembiraan selepas mendahului beberapa sekolah yang lain di negeri ini.



menang 1-0 juga di pusingan kedua menewaskan SMK Munsyi Abdullah.

"Namun pada pusingan ketiga dan keempat kami kurang bernasib baik apabila tewas 0-1 di tangan SMK Seri Kota dan seterusnya seri 1-1 dengan Cheng Football Club (FC).

"Walaupun sedikit tertekan dengan keputusan pusingan ketiga dan keempat, kami berjaya menebus kekecewaan itu di pusingan akhir apabila menang ke atas SMK Tinggi Melaka hasil jaringan penalti oleh Muhammad Al-Sidiq. Ia satu kemenangan yang tidak disangka oleh kami semua," katanya.

Kejayaan tersebut turut mendapat perhatian Pengetua SMK Seri Pengkalan Mahfuzdah Mohamed Noor yang merakamkan rasa bangga di atas kemenangan tersebut meskipun sekolah berkenaan bukan dalam senarai sekolah yang menjalani program pelapis itu.

Katanya, sokongan padu dari ibu bapa dan guru merupakan kunci kepada kejayaan pasukan itu dalam membentuk sebuah pasukan yang mampu ke hadapan dengan disiplin yang sering dititikberatkan.

"Pihak sekolah bersyukur dengan kejayaan ini dan berharap agar kejayaan ini mampu dipandang pihak terlibat bagi memastikan bakat murid sekolah ini mampu dimartabatkan bagi mengekalkan pelapis muda yang berbakat dalam sukan berkenaan."

"Kita harap dengan kejayaan ini mampu memberi suntikan semangat kepada ahli pasukan yang lain biarpun sekolah ini merupakan sekolah di luar bandar bagaimanapun mampu menempa nama ke peringkat yang lebih tinggi," katanya.



Selamat Hari Natal & *Selamat* Menyambut Tahun Baharu

2021

Setulus Ikhlas Daripada :

Datuk Bandar,
Ahli-Ahli Majlis,
Setiausaha Bandaraya,
Ketua-Ketua Jabatan &
Seluruh Warga Kerja
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah



#KawalanDiri
#MelakaMestiMenangCOVID19
#MelakaHistoricCityCouncil



Majlis.Bandaraya.Melaka



Majlis Bandaraya
Melaka Bersejarah



Majlis Bandaraya
Melaka Bersejarah

DALAM menghadapi saingan Liga Malaysia musim 2021, Melaka United FC (MUFC) akan mengekalkan 70 peratus pemain sedia ada dan ketua jurulatihnya, Zainal Abidin Hassan kini sedang merangka strategi untuk memperkuatkan barisan pemain skuad ‘Sang Kancil’. - Lihat berita penuh di muka 22



19 pasukan nyata hasrat sertai Liga M3 2021

MS22

‘Sekolah kampung’ johan bola sepak

“KAMI mengambil inisiatif dengan menggunakan padang awam di kawasan taman perumahan berhampiran bagi memastikan pasukan ini menjalani latihan yang mencukupi bagi mencapai beberapa kemahiran dalam sukan bola sepak.,

MS22

